



# Kerajaan-Mu Datanglah

**40 Hari Puasa & Doa NECF**

**7<sup>th</sup> Ogos - 15<sup>th</sup> September 2013**

**Edisi  
Kanak-kanak**

# PUASA & DOA 40-HARI

YANG DIKASIH KANAK-KANAK SEKALIAN!

HAI!

Selamat menyertai Doa & Puasa tahun ini!

Saya berasa amat gembira bahawa anda telah mengambil langkah untuk berdoa & berpuasa bagi Malaysia. Jika ini kali pertama anda melakukan puasa & doa 40-hari ini, sungguh mengagumkan bagi penyertaan anda. Jika anda pernah melakukannya sebelum ini, selamat kembali yang teramat besar!

Syukur kepada Tuhan untuk kesetiaan anda!  
**APAKAH PUASA & DOA 40 - HARI?**

Puasa & Doa ini adalah suatu masa yang istimewa apabila semua umat Tuhan bersetuju untuk berdoa & berpuasa bagi negara kita. Ia suatu masa yang dikhuskuskan untuk Tuhan... kita percaya bahawa ketika kita datang di hadapan-Nya dengan ikhlas & mendoakan kehendak-Nya, kita akan melihat pekerjaan-Nya dalam hidup kita, dalam hidup jiran kita, dan dalam negara kita.

**DALAM PUASA & DOA TAHUN LEPAS.**

Kita telah berdoa bagi rahmat Tuhan untuk terjadi pada Tahun Jubli Malaysia – pada tahun Malaysia mencapai 50 tahun. Kita telah meminta agar rahmat-Nya yang istimewa menjadikan baru sekali lagi yang telah hancur, dan yang telah dicuri atau dirampas dikembalikan. Kita telah berdoa untuk yang sakit agar menjadi sembuh, hubungan yang putus dipulihkan, dan undang-undang yang tidak adil diubah.

Puasa & Doa tahun ini berada dalam Tahun Jubli Malaysia. Pada tahun rahmat Tuhan ini, kita mahu fokus atas perkara ini – **AGAR KERAJAAN TUHAN DATANG.**

## ANDA MUNGKIN BERTANYA, APAKAH MAKSUÐNYA INI???

Baiklah, apabila kita berdoa agar Kerajaan Tuhan datang di Malaysia, kita sedang meminta Tuhan untuk memerintah sebagai Raja dalam Malaysia. Apabila Tuhan ditempatkan di kedudukan yang tertinggi, kehendak-Nya terlaksana. Semua kuasa kegelapan akan terpaksa pergi apabila Kerajaan Tuhan ada di sini.

Dalam mana-mana tempat atau kawasan, jika Kerajaan Tuhan tidak memerintah, kuasa kegelapan berpeluang untuk tinggal. Walaupun Tuhan memegang segala kewibawaan dan kuasa, Dia hanya bertindak sekiranya Dia diberikan tempat yang tertinggi. Sebagai anak-anak-Nya, kita boleh berdiri mewakili Malaysia. Ketika kita berdoa dan memberikan Tuhan tempat tertinggi di Malaysia, Dia bertakhta dan kegelapan terpaksa cabut lari!

Malaysia benar-benar memerlukan Tuhan. Kegelapan masih memerintah dalam banyak keluarga, sekolah-sekolah, perniagaan-perniagaan, dan kepemimpinan kita. Segala kewibawaan telah pun diberikan kepada Yesus untuk mengusir kegelapan, maka kita perlu berdoa agar Dia bertakhta di Malaysia. Memang benar, semoga Kerajaan Tuhan bertakhta di Malaysia dan memutuskan rantai-rantai (ikatan) kegelapan!

# SAYA TIDAK AKAN ADA TUHAN YANG LAIN

Sebelum kita berdoa agar Kerajaan Tuhan datang atas Malaysia, terlebih dahulu Kerajaan-Nya harus memerintah di dalam hidup kita. Adalah mustahil untuk berdoa agar Tuhan memerintah dalam negara kita jika Dia tidak pun memerintah di dalam hidup kita sendiri. Sebenarnya, kita benar-benar menghina Tuhan dengan doa-doa dan puasa kita jika kita tidak meletakkan Dia sebagai yang pertama

## Adakah Tuhan yang pertama dalam hidup anda? Adakah dia berada di tempat yang tertinggi?

Kita semua tidak sempurna & setiap hari, perkara yang kita hadapi membuat hati kita jauh dari Tuhan. Dalam kelemahan kita, Tuhan menolong kita. Dia telah berjanji untuk mengampuni kita jika kita mengakui bahawa kita bersalah dan berpaling daripada dosa kita.

## Hati yang sungguh-sungguh tertuju pada Tuhan menyenang hati-Nya.

Selama 40 hari ini, terus mohon Tuhan untuk menjadi yang pertama dalam hidup anda. Tindakan meletakkan Tuhan sebagai yang pertama adalah sesuatu yang kita harus lakukan setiap hari. Apabila anda belajar melakukan ini, anda akan melihat Tuhan bekerja di dalam hati anda & anda akan memiliki iman bahawa Tuhan berserta anda dan mendengar doa-doa anda!

## Lalu apakah yang kita buat?

Hal yang penting adalah keadaan kita di hadapan Tuhan. Adakah hati anda tertuju kepada Tuhan? Adakah anda membentarkan Dia untuk membetulkan anda? Adakah anda mendengar suara-Nya & patuh?

Roh yang remuk dan hati yang menyesal tidak akan diabaikan oleh Tuhan. Nyatakan kepada Tuhan kelemahan anda dan bahawa anda memerlukan Dia. Mintalah Dia untuk terus menolong anda. Tetapkan di dalam hati anda untuk selalu meletakkan Dia pertama di dalam hidup anda.

## Sebelum kita meneruskan, ambil sedikit masa sekarang untuk membaca ayat ini:

“Selidiki aku, ya Allah, dan selamilih hatiku; ujilah aku dan ketahuilah fikiranku. Periksalah hatiku sama ada terdapat kejahanan dalam diriku, dan pimpinlah aku ke jalan yang abadi.” Mazmur 139: 23-24

Saya menjemput anda untuk menjadikan ini doa anda:

Bapa,

Satu hal yang selalu mengambil tempat pertama di dalam hati saya adalah \_\_\_\_\_ . Bapa, saya mengaku bahawa saya telah berdosa dan bahawa hanya Engkau yang layak mendapat tempat yang tertinggi. Saya menyerahkan ‘tuhan’ ini di dalam hidup saya kepada Mu. Pimpin saya dalam jalan yang benar supaya saya selalu berjalan dalam kehendak Mu. Dalam nama Yesus yang berkuasa, Amin.

# PERSIAPAN UNTUK PERJALANAN INI

Sekarang, anda ada beberapa keputusan untuk dibuat!

I

## PUASA

Puasa adalah satu cara yang amat berkuasa untuk berhubung dengan Tuhan & untuk menjadi kuat dalam Dia secara rohani. Ia satu cara untuk merendahkan diri kita di hadapan Tuhan dan menyatakan kepada-Nya bahawa kita perlukan Dia lebih daripada apa-apa pun, malah makanan dan benda-benda yang kita suka.

Kita juga memilih untuk berpuasa sebab kita melatih peribadi semulajadi kita untuk tunduk kepada Dia. Apabila kita berpuasa, kita meletakkan hal-hal rohani terlebih dahulu...bilakah saja kita lapar atau benar-benar ingin melakukan sesuatu yang kita suka, kita diperingatkan bahawa walaupun perkara-perkara itu baik, Tuhan lebih lagi penting.

Apabila anda memilih satu cara berpuasa dalam masa 40 hari ini, tumpukan fikiran anda pada Tuhan. Hal yang paling penting adalah meletakkan Dia pertama & mahu melakukan kehendak-Nya di dalam hati anda.

### TERDAPAT BEBERAPA CARA PUASA YANG BERLAINAN YANG ANDA BOLEH PILIH UNTUK LAKUKAN

Tandakan yang anda pilih.

#### SATU HIDANGAN

Anda boleh memilih untuk tidak makan satu hidangan dalam sehari. Ia boleh jadi sarapan pagi, waktu rehat di sekolah, makan tengahari atau makan malam.

#### DAGING

Anda boleh memilih untuk tidak makan daging dalam tempoh 40 hari ini, dan sebaliknya makan buah-buahan dan sayuran.

#### MAKANAN KEGEMARAN

Anda boleh memilih untuk tidak makan makana kegemaran anda. Contohnya, nasi, mee, ayam atau coklat.

#### MAKANAN PEPEJAL

Dalam jenis puasa ini, anda hanya minum air dan tidak mengambil apa-apa jenis makanan. Pilih jenis puasa ini hanya jika anda merasa Tuhan mahu anda melakukannya. Jika anda mahu melakukan puasa penuh sekali dalam seminggu ketika anda berada di sekolah, anda juga boleh meminta Tuhan untuk menolong anda melakukannya.

#### HOBII/REKREASI KEGEMARAN

Anda boleh memilih untuk tidak melakukan sesuatu yang anda sukai. Contohnya menonton kartun, membaca, bermain permainan komputer, melayari Facebook.



Jika anda mempunyai masalah gastrik atau tidak biasa tidak makan, tindakan meminum segelas milo boleh membantu.

## MEMBERI

Memberi untuk memberkati orang lain adalah satu amalan baik bagi kita untuk belajar mempedulikan orang lain. Dalam masa 40 hari ini, saya mendorong anda untuk memberi dan memberkati orang lain. Hati anda sefahaman dengan Tuhan apabila anda belajar cara untuk mempertimbangkan yang lain dan mempeduli mereka.

- ☺ **Jika anda menerima wang saku daripada ibu bapa anda,** anda boleh menyimpan sebahagian daripada wang saku tersebut untuk diberikan kepada orang lain yang memerlukannya. Anda boleh memasukkan wang ini ke dalam kantung persemaahan pada hari Ahad, atau ke dalam kantung pungutan gereja bagi kebajikan.
- ☺ **Jika anda tidak menerima wang saku daripada ibu bapa anda,** anda juga boleh memberi beberapa daripada barang-barang anda kepada mereka yang memerlukannya. Anda boleh memberikan beberapa daripada pakaian anda, buku-buku atau barang permainan. Pastikan anda minta kebenaran ibu bapa anda terlebih dahulu sebelum memberikan barang-barang itu! Di gereja, ada kalanya pengumpulan barang-barang seperti itu. Anda boleh bertanya kepada ibu bapa anda atau guru-guru di gereja cara melakukannya. Anda juga boleh memberi beberapa daripada barang anda mungkin kepada anak-anak “pembantu rumah” anda atau kepada pusat kebajikan sekolah anda.

**BERDOA DAN MINTA TUHAN SATU PELUANG UNTUK MEMBERKATI SESEORANG DENGAN WANG/BARANGAN ANDA. DIA AKAN MEMBERIKAN ANDA PELUANG UNTUK BERBUAT SEDEMIKIAN.**

## RAKAN DAFTAR-MASUK

Seorang rakan daftar-masuk ialah seorang yang anda pilih untuk melakukan doa & puasa bersama-sama. Mengapakah memilih untuk ada seorang rakan?? Dalam Alkitab, dinyatakan dalam Pengkhutbah 4:9-10,

**BERDUA LEBIH BAIK DARIPADA SEORANG DIRI. KERANABERSAMA-SAMA MEREKA DAPAT BEKERJA DAN HASILNYA LEBIH BAIK. JIKA SEORANG JATUH. YANG SEORANG LAGI DAPAT MENOLONGNYA. TETAPI JIKA ORANG ITU SENDIRIAN. LALU JATUH. MALANGNYA DIA KERANA TIADA SESIAPA YANG MENOLONGNYA.**

Dalam masa 40 hari ini, anda mungkin merasa penat dan ‘angin tak baik’ untuk berdoa & berpuasa pada beberapa hari. Jika anda ada memilih seorang rakan untuk mendaftar-masuk bersama, ini akan membantu anda untuk terus kekal melakukannya! Hal yang sama juga bagi rakan anda – andalah yang akan berkata, ‘Hei, marilah kita melakukannya!’

Rakan ini boleh jadi ibu bapa, guru atau kawan anda. Anda tidak perlu berdoa dengan peribadi itu setiap hari. Apa yang anda boleh lakukan adalah untuk memeriksa di antara satu dengan lain sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu untuk melihat perkembangan rakan anda. Dengan adanya seseorang untuk 'daftar-masuk' dengan anda, ia akan mendorong anda untuk bergerak dan menggalakkan anda untuk terus maju!

Oleh sebab anda sudah membuat keputusan atas 3 hal tersebut, saya mahu menggalakkan anda membuat satu janji komitmen. Ini akan membantu anda supaya jelas tentang pilihan anda & juga menolong anda untuk menamatkan 40 hari doa & puasa dengan baik.

## JANJI KOMITMEN

Saya, \_\_\_\_\_,

bersama dengan \_\_\_\_\_

akan berpuasa \_\_\_\_\_

(cth. sarapan pagi, daging, Facebook) dalam masa 40 hari ini.

Saya juga mahu memberi \_\_\_\_\_

(cth. RM 1 setiap hari, pakaian-pakaian) kepada seseorang yang  
memerlukannya.

Kami berdua telah berkeputusan untuk berdoa bagi

---

(cth. 20 minit setiap hari). Kami akan 'daftar-masuk' dengan satu sama lain setiap \_\_\_\_\_ (cth. Rabu, masa rehat,

pagi Ahad di gereja) untuk menggalak dan menolong satu sama lain.

Kami akan setia dalam janji kami & akan menolong satu sama lain sehingga ke garisan penamat!

# MINGGU 1: KERAJAAN-MU DATANG

Kita akan memulakan Doa & Puasa dengan pertama memahami maksud untuk berdoa 'Kerajaan-Mu datang' di Malaysia. Ketika anda memahami lebih banyak lagi tentang Kerajaan Tuhan setiap hari, semoga Roh Kudus menunjukkan anda cara berdoa untuk Kerajaan Tuhan datang di Malaysia!

**TUHAN ITU ALLAH YANG BERKUASA. RAJA PERKASA YANG MENGUASAI SEMUA DEWA. MAZMUR 95:3**

**7 Ogos /  
Rabu**

## Peraturan Tuhan

Makanan rohani ~ Lukas 11:1-4

### Tentang apakah anda biasa doakan?

(Cth. Tuhan akan tolong anda mendapat markah A bagi Matematik, Tuhan akan melindungi ibu dan ayah anda).

Tulis / kongsi dengan rakan anda 3 perkara doa anda yang penting:

---

---

---

Melalui ayat Alkitab hari ini, kita dapat melihat bahawa murid-murid Yesus mahu belajar berdoa. Untuk mengajar mereka, Yesus memberikan beberapa poin doa... apakah poin doa yang pertama?

Tahukah anda maksudnya untuk berdoa, "Bapa, datangkan Kerajaan-Mu, jadilah kehendak-Mu di bumi seperti di surga"? (Ya, poin doa yang pertama). Apabila anda mendoakan doa ini, anda mengatakan, "Tuhan, saya mahu Engkau untuk memerintah, menjadi RAJA – dalam hidup saya, keluarga, sekolah, negara, dunia." Apabila anda mahu membenarkan Tuhan memerintah, Dia mampu bekerja!

Jika anda seorang Kristian dan percaya kepada Yesus, anda berkata bahawa Dialah Raja anda. Jika Dia ialah Raja anda, maka adakah anda berdoa Dia memerintah atas bumi?

### Hari ini, mari kita berdoa agar:

- Orang-orang Kristian di Malaysia akan menjemput Tuhan untuk memerintah dalam kehidupan mereka.
- Lelaki & perempuan di mana-mana akan kembali kepada pemerintahan Tuhan.
- Tuhan akan memerintah di Malaysia

**8 Ogos /  
Khamis**

## **Kerajaan Tuhan berkuasa!**

*Makanan rohani ~ Lukas 11: 14-20*

Apabila anda berada di dalam sebuah bilik yang sangat gelap dan menyalaikan sebatang lilin, apakah yang terjadi? Ada satu sinar terang, cahaya yang berwarna jingga, benar? Jika bilik itu sangat besar dan sangat gelap, adakah lilin itu akan masih bernyala? Sudah tentu! Kalaupun bilik itu 100 kali lebih gelap daripada lilin itu, apabila ia dinyalakan, terangnya akan bersinar dan menghilangkan kegelapan.

**Kerajaan Tuhan adalah seperti cahaya.** Di mana pun Kerajaan-Nya berada, kegelapan Iblis harus pergi! Orang-orang dilepaskan daripada masalah mereka dan memiliki harapan. Sama seperti Yesus mengusir keluar syaitan-syaitan di dalam ayat-ayat Alkitab, kehadiran Kerajaan Tuhan akan mengusir keluar kegelapan di Malaysia.

*Hari ini, mari kita berdoa agar:*

- Orang-orang Kristian di Malaysia akan berdoa dengan sepenuh hati mereka untuk kehadiran Kerajaan Tuhan di Malaysia.
- Bersyukur kepada Tuhan bahawa apabila Kerajaan-Nya hadir, kegelapan pergi!

**9 Ogos /  
Jumaat**

## **Dikuasai oleh Roh Kudus**

*Makanan rohani ~ Lukas 4: 18*

Jika anda mahu caj sebuah telefon bimbit, apakah yang anda perlukan? Sebuah alat pengecaj, bukan? Tetapi bayangkan...anda menyambungkan telefon itu kepada sebuah pengecaj...tetapi kemudian, anda memutuskan untuk tidak memasangkan alat pengecaj itu ke suis utama...jadi, telefon itu boleh tersambung ke alat pengecaj itu selama satu minggu penuh dan telefon itu akan tetap sama – tidak ada kuasa sama sekali!

Sama halnya dengan Kerajaan Tuhan. Kita selaku anak-anak Tuhan boleh mengusir keluar kegelapan ke mana pun kita pergi bukan kerana kita memiliki kuasa, tetapi sebab TUHAN ada kuasa! Kita adalah pengecaj-pengecaj Dia tetapi kita perlu terpasang ke dalam Tuhan – dipenuhi dengan Roh Kudus – supaya kita ada kuasa untuk membawakan harapan kepada yang menderita dan tanpa Tuhan. Apabila Yesus menyembuhkan orang buta, yang lumpuh, yang tuli dan yang hati-hancur, ia disebakan kuasa Tuhan ada dengan Dia – Dia dipenuhi dengan Roh Kudus.

*Hari ini, mari kita berdoa agar:*

- Orang-orang Kristian di Malaysia akan bergantung pada Roh Kudus.
- Roh Kudus akan memenuhi orang-orang Kristian agar mereka mempunyai kuasa untuk mengusir keluar kegelapan di Malaysia.

**10 Ogos /  
Sabtu**

## **Sambut Raja!**

*Makanan rohani ~ Matius 21: 1-11*

Dalam petikan ayat hari ini, Yesus memasuki Yerusalem semasa perayaan Paskah, dan Dia menunggang seekor keldai. Ramai orang keluar untuk bertemu dengan Dia kerana mereka teruja – mereka mahu Dia menjadi Raja!

Apakah 3 perkara yang mereka lakukan untuk menyambut Dia?  
Jika anda sebahagian daripada orang ramai itu, yang mana satukah anda akan lakukan?

Kejadian yang berlaku di Yerusalem adalah satu gambaran indah orang ramai menyambut Raja mereka. Hati kita perlu terbuka seperti orang ramai pada hari itu untuk menyambut Yesus ke Malaysia. Di tempat Raja ditinggikan, dirayakan & dialu-alukan, di sanalah Dia akan ada. Yesus berjanji di dalam Wahyu 3:20 – Dengarlah! Aku berdiri di depan pintu dan mengetuk. Jika seseorang mendengar suara-Ku dan membuka pintu, Aku akan masuk ke dalam rumahnya lalu makan bersama-sama dia dan dia makan bersama-sama Aku.

*Hari ini, mari kita berdoa agar:*

- Orang-orang Kristian akan membuka hati mereka & menjemput Raja Yesus di mana-mana di Malaysia.
- Rakyat Malaysia akan melihat betapa hebat dan mulia Raja Yesus!

**11 Ogos /  
Ahad**

## **Kedatangan Yesus Yang Kedua Kali**

*Makanan rohani ~ Matius 24: 30-31; Wahyu 11: 15*

Yesus pernah berjanji kepada kita – bahawa Dia akan kembali ke dunia dan apabila Dia kembali nanti, Dia akan datang dengan segala kemuliaan dan kuasa-Nya! Keamanan sebenar, kasih, sukacita, kebenaran dan keadilan akan akhirnya datang ke atas bumi apabila ini berlaku.

Sebagai anak-anak Tuhan, adakah anda menanti-nantikan kekembalian Yesus yang mulia? Ia benar-benar sesuatu yang diinginkan kerana tiada yang lebih baik daripada berada bersama Tuhan yang mengasihi kita dan memberikan kita sukacita dan damai-Nya yang tidak terungkapkan.

Tidak seorang pun tahu bila kedatangan Yesus yang kedua kali akan terjadi, tetapi jika kita berdoa dan menginginkan agar Raja kita kembali, Yesus akan kembali lebih cepat!

*Hari ini, mari kita berdoa agar:*

- Yesus akan kembali ke bumi dalam segala kemuliaan dan kuasa-Nya!
- Malaysia akan bersedia apabila Yesus kembali.
- Orang-orang Kristian di seluruh dunia akan bersedia untuk kekembalian Raja kita!

## MINGGU 2: SATU PERJALANAN PERIBADI

Minggu lepas, kita berdoa agar Tuhan MEMERINTAH di atas bumi dan di dalam negara kita. Apabila kita selaku anak-anak-Nya menabalkan Dia sebagai Raja, Kerajaan-Nya memerintah dan kuasa-Nya mengusir keluar kegelapan. Akan ada harapan, sukacita dan damai-Nya bagi setiap orang di sekeliling kita... di dalam rumah, sekolah dan negara kita. Bagaimanapun, SEBELUM Kerajaan Tuhan boleh memerintah dalam negara kita, Dia terlebih dahulu harus memerintah di dalam hidup kita, hidup anda dan saya.

### Sekarang ambil sedikit masa dan tanya diri anda sendiri...

Adakah Yesus Raja saya? Berapa pentingkah ia bagi saya untuk melakukan perintah-Nya?

Lakarkan satu  di sepanjang garis untuk tunjukkan jawapan anda.



Beritahu Tuhan secara jujur jawapan anda. Di mana pun anda berada di sepanjang garisan itu, Tuhan akan menolong anda apabila anda meminta kepada Dia dengan jujur.

**PADA MINGGU INI, KITA AKAN MEMINTA TUHAN UNTUK MENOLONG KITA BERTUMBUTH SECARA PERIBADI DALAM MENJADIKAN DIA RAJA DI DALAM HIDUP KITA.**

12 Ogos /  
Isnin

### Hari ini, saya akan memperkenalkan kepada anda tiga pokok kecil...

~ Bahagian 1 ~

\*\* Pada satu puncak gunung, tiga pokok kecil terpacak dan berangan-angan apa mereka akan jadi setelah mereka sudah tumbuh besar.

Pokok kecil yang pertama memandang ke atas pada bintang-bintang dan berkata: "Saya mahu meyimpan harta karun. Saya mahu diliputi dengan emas dan dipenuhi dengan batu-batu permata. Saya akan menjadi peti harta karun yang paling cantik di dunia!"

Pokok kecil yang kedua memandang keluar pada sungai kecil yang mengalir ke laut. "Saya mahu melayari air yang kuat dan membawa raja-raja yang berkuasa. Saya akan menjadi kapal air yang paling kuat di dunia!"

Pokok kecil yang ketiga memandang ke bawah ke dalam lembah di bawah di mana lelaki dan wanita sibuk bekerja dalam bandar yang sibuk. "Saya tidak mahu meninggalkan puncak gunung sama sekali. Saya mahu membesar sangat tinggi sehingga apabila orang berhenti untuk memandang saya, mereka akan mengangkat mata mereka ke syurga dan memikirkan Tuhan. Saya akan menjadi pokok yang paling tinggi di dunia."

Daripada ketiga-tiga pokok itu, pada fikiran anda pokok yang mana satukah mempunyai impian yang terbaik?

Apakah impian anda sendiri? Apakah yang anda ingin jadi apabila anda sudah dewasa?

**Hari ini, beritahu Tuhan impian anda.**

**Bapa, saya benar-benar mahu \_\_\_\_\_ apabila saya sudah besar. Saya benar-benar mahu kerana \_\_\_\_\_.**

**13 Ogos/  
Selasa**

### **Hari ini, mari kita meneruskan dengan cerita tiga pokok kecil.**

~ Bahagian 2 ~

Bertahun-tahun telah berlalu. Hujan datang, matahari bersinar, dan pokok-pokok kecil itu tumbuh meninggi. Pada suatu hari tiga orang penebang pokok mendaki gunung itu.

Penebang pokok yang pertama memandang pokok yang pertama dan berkata, "Pokok ini cantik. Ia tepat untuk saya." Dengan satu hayunan daripada kapaknya yang berkilat, pokok pertama pun tumbang. "Sekarang saya akan dibuat menjadi sebuah peti yang cantik, saya akan menyimpan harta karun yang sangat baik!" Kata pokok pertama itu.

Penebang kayu yang kedua memandang kepada pokok yang kedua dan berkata, "Pokok ini kuat. Ia tepat untuk saya." Dengan satu hayunan daripada kapaknya yang berkilat, pokok kedua pun tumbang. "Sekarang saya akan melayari perairan yang perkasa!" fikir pokok yang kedua. "Saya akan menjadi sebuah kapal air yang kuat untuk raja-raja yang berkuasa!"

Pokok ketiga merasakan hati ia menjadi lemah ketika si penebang kayu yang ketiga memandang ke arahnya. Ia terpacak tegak dan tinggi serta meruncing dengan berani ke syurga. Tetapi si penebang kayu tidak pun memandang ke atas. "Apa-apa jenis pokok pun sesuai untuk saya." Dia merungut. Dengan satu hayunan daripada kapaknya yang berkilat, pokok yang ketiga pun tumbang.

Jika sesuatu seperti ini terjadi kepada anda, adakah anda akan berasa seperti pokok pertama & pokok kedua, atau adakah anda berasa seperti pokok yang ketiga? Apakah perasaan anda terhadap pokok ketiga yang telah ditebang? Adakah ia adil?

***Hari ini, beritahu Tuhan perasaan anda jika sesuatu seperti ini berlaku kepada anda,***

***Bapa, Saya akan berasa teruja / gembira / sedih / marah / keliru jika sesuatu seperti ini berlaku kepada saya. Saya juga akan berasa bahawa Engkau akhirnya menjadikan impian saya satu kenyataan / ia tidak adil bagi saya jika ini terjadi kepada saya. Pada waktu itu, tolong saya untuk selalu ingat bahawa \_\_\_\_\_.***

**14 Ogos /  
Rabu**

### **Hari ini, kita akan melihat apa yang terjadi kepada tiga batang pokok itu selepas ditebang...**

~ Bahagian 3 ~

Pokok pertama gembira apabila si penebang kayu membawa ia ke kedai seorang tukang kayu. Tetapi tukang kayu itu membentuk batang pokok itu menjadi sebuah bekas makanan untuk binatang. Pokok yang suatu ketika dulu cantik itu tidak disaluti dengan emas, ataupun dengan harta karun. Ia kini disaluti dengan habuk papan dan dipenuhi dengan rumput kering untuk binatang ternakan yang lapor.

Pokok kedua tersenyum apabila si penebang kayu membawa ia ke sebuah limbungan kapal, tetapi tiada kapal layar yang berkuasa telah dibuat hari itu. Sebaliknya pokok yang suatu ketika dulu kuat telah ditukul dan digergaji menjadi sebuah bot nelayan yang sederhana. Bot itu sangat kecil dan tidak kuat untuk belayar di perairan terbuka, ataupun di sebuah sungai; sebaliknya ia dibawa ke sebuah tasik kecil.

Pokok ketiga berasa keliru apabila si penebang kayu memotong ia menjadi alang-alang yang kuat dan meninggalkan ia di kawasan simpanan kayu gergaji. "Apa yang terjadi?" Pokok yang suatu ketika dulu tinggi berasa hairan. "Yang saya betul-betul mahu hanyalah untuk kekal di puncak gunung itu dan menunjuk pada Tuhan..."

*Jika anda adalah pokok yang pertama atau yang kedua, apakah perasaan anda apabila harapan-harapan anda tidak menjadi nyata?*

Jika anda adalah pokok yang ketiga, apakah perasaan anda apabila harapan-harapan anda tidak menjadi nyata walaupun impian-impian anda adalah untuk menyenangkan hati Tuhan?

**Hari ini, beritahu Tuhan perasaan anda jika hal ini berlaku kepada anda. Adakah anda akan berputus asa terhadap Dia, atau adakah anda akan terus cuba untuk percaya bahawa Dia ialah Allah yang baik?**

**15 Ogos /  
Khamis**

**Hari ini, mari kita lihat apakah yang terjadi kepada tiga pokok itu selepas beberapa jangka waktu...**

~ Bahagian 4 ~

Berhari-hari dan bermalam-malam telah berlalu. Ketiga-tiga pokok tersebut hampir melupakan impian mereka.

Tetapi pada suatu malam, cahaya bintang keemasan melimpahi pokok yang pertama ketika seorang perempuan muda meletakkan bayinya yang baru lahir ke dalam bekas makanan itu. "Saya berhasrat dapat membuat sebuah buian untuk dia," bisik suaminya. Ibu itu meramas tangannya dan tersenyum apabila cahaya bintang bersinar ke atas kayu yang rata dan kukuh itu. "Bekas makanan ini cantik", katanya. Tiba-tiba pokok pertama itu tahu bahawa dia sedang memegang harta karun yang terbesar di dunia.

Pada suatu petang seorang pengembara yang kelelahan dan sahabatnya bersesak ke dalam bot nelayan lama. Pengembara itu tertidur sementara pokok yang kedua secara senyap belayar keluar dalam tasik itu. Tidak lama kemudian timbul satu ribut yang sangat besar dan membadi. Pokok kecil itu menggeletar. Ia tahu ia tiada kekuatan untuk membawa begitu ramai penumpang dengan selamat untuk mengharungi angin dan hujan itu.

Lelaki yang letih itu terbangun. Dia pun berdiri, menghulurkan tangannya, dan berkata, "Tenang." Ribut itu terhenti secepat ia telah bermula. Tiba-tiba pokok kedua itu tahu dia sedang membawa raja syurga dan bumi.

Suatu Jumaat pagi, pokok ketiga terkejut apabila alang ia ditarik dari longgokan kayu lama. Ia tersentak ketika ia diangkat melalui kerumunan orang yang marah mengejek. Ia menggeletar apabila askar-askar memakukan tangan seorang manusia kepada ia. Ia berasa hodoh, kasar dan kejam.

Tetapi pada Sabtu pagi, apabila matahari terbit dan bumi di bawahnya menggeletar dengan sukacita, pokok ketiga tahu bahawa kasih Tuhan telah mengubah segalanya. Ia telah membuat pokok yang ketiga itu kuat. Setiap kali orang teringatkan pokok yang ketiga, mereka akan memikirkan Tuhan. Hal itu lebih baik daripada menjadi pokok tertinggi di dunia.

Apakah harta karun yang dibawa oleh pokok pertama?

Siapakah yang membuat pokok kedua kuat?

Mengapakah orang memikirkan tentang Tuhan apabila mereka melihat pokok ketiga?

Adakah anda menjangka yang impian ketiga-tiga pokok itu menjadi nyata cara ini?

Hari ini, mahukah anda menyerahkan apa yang anda amat hargai kepada Tuhan?

Di dalam Amsal 3:5-6, dikatakan, “**Percayalah kepada TUHAN dengan sepenuh hatimu. Jangan bergantung kepada pengertianmu sendiri. Ingatlah akan TUHAN dalam segala perbuatanmu, dan Dia akan menunjukkan cara hidup yang baik kepadamu.**”

**Mari kita mengucapkan doa ini bersama:**

**Bapa, tolong saya untuk melihat bahawa Engkau lebih besar daripada kekuatan ku, pemahaman ku sendiri dan impian-impian ku. Tolong saya supaya tidak menjadi sombong dan berfikir bahawa saya yang mengawal keadaan. Tolong saya untuk sedar bahawa Engkaulah yang membuat perkara menjadi mungkin. Saya mengakui bahawa Engkau ialah Tuhan, dan Saya percaya bahawa Engkau akan melakukan perkara-perkara dalam masa-Mu dan dalam cara-Mu. Dalam nama Yesus yang sangat bernilai saya berdoa, Amin.**

**16 Ogos /  
Jumaat**

## **Ajar saya jalan Mu**

*Makanan rohani ~ Roma 12: 2*

Saya benar-benar berdoa agar cerita yang anda telah baca selama 4 hari yang lepas telah mengubah hati anda. Sama seperti tiga batang pokok telah pelajari dalam hidup mereka, kita harus pelajari kebenaran ini – bahawa jalan Tuhan lebih besar daripada jalan kita.

Untuk bertumbuh besar dalam Tuhan, kita perlu berdoa – Tuhan, ajar ku jalan Mu! Satu cara Tuhan tunjukkan kita jalan-Nya adalah menerusi firman-Nya. Alkitab menyatakan hal-hal yang ada di dalam hati Tuhan, dan kebanyakan masa, Roh Kudus-Nya menyedarkan kita akan perkara-perkara yang tidak menyenangkan hati-Nya – jalan-jalan kita – dan menunjukkan kita jalan-Nya.

*Hari ini, mahukah anda meminta Tuhan untuk mengubah cara anda berfikir melalui firman-Nya?*

- Minta Dia untuk menolong anda melihat apa yang Dia lihat apabila anda membaca firman-Nya
- Minta Dia untuk menolong anda mematuhi kata-kata-Nya dalam firman-Nya

Hanya apabila kita melihat perkara dengan cara Tuhan melihat-Nya & hidup menurut jalan-Nya, barulah kita benar-benar faham kehendak Tuhan & jadi warganegara yang benar dalam Kerajaan-Nya!

**17 Ogos /  
Sabtu**

## **Penuhi saya dengan Roh Kudus Mu**

*Makanan rohani ~ Yohanes 7: 37-39*

Tahukah anda bahawa Tuhan memberikan kita Roh Kudus apabila kita percaya kepada Yesus? Yesus berkata bahawa Roh Kudus itu seperti sungai air hidup yang mengalir dari dalam kita – sungguh satu keistimewaan!

Air hidup bercakap tentang hidup – kasih, sukacita, dan damai. Kasih, sukacita dan damai inilah yang datang daripada Tuhan yang mampu menyentuh orang lain di sekeliling kita & membawa mereka ke dalam Kerajaan Tuhan.

Sekarang, Saya mahu menanyakan anda satu soalan penting: Sudahkah anda meminta Tuhan untuk penuhi anda dengan Roh Kudus? Jika anda percaya kepada Yesus, inilah keistimewaan anda – Yesus telah berjanji untuk memberikan anda Roh Kudus-Nya.

Ucapkan doa ini bersama saya jika anda mahu Roh Kudus memenuhi anda.

*Bapa, saya berterima kasih kepada Mu atas janji Mu untuk tinggal di dalam kami melalui Roh Kudus Mu. Saya bersyukur kepada Mu bahawa kasih, sukacita, damai dan kuasa-Mu akan tinggal di dalam saya apabila Roh Mu ada atas saya. Tolong berikan saya Roh Kudus agar sungai air hidup itu akan mengalir melalui saya. Di dalam nama Yesus, Anak-Mu, Amin.*

Jika anda secara jujur telah mengucapkan doa ini, Tuhan telah mendengar anda dan sekarang Roh kudus-Nya tinggal di dalam anda! Berikan kesyukuran kepada Tuhan untuk keistimewaan ini! Mulai dari sekarang, minta Tuhan untuk menolong anda mendengar apa yang dikatakan oleh Roh-Nya. Roh Kudus-Nya akan mengajar anda jalan Tuhan & membawa kehidupan kepada anda dan orang-orang di sekeliling anda.

18 Ogos /  
Ahad

## Saya hidup untuk melayani dan memuliakan Mu

Makanan rohani ~ Wahyu 5: 9-10

Mari kita kembali kepada cerita tentang Tiga Pokok yang telah kita baca di awal minggu ini. Di akhir cerita itu, kesemua tiga pokok itu mendapat bahawa ia melayani Yesus, Raja mereka. Pokok pertama menyediakan harta karun terbesar di dunia sebuah tempat tidur, pokok kedua membantu murid-murid melihat kekuatan Allah di tengah-tengah ribut besar, dan pokok ketiga menolong Tuhan mengenapkan rancangan-Nya menyelamatkan dunia melalui Anak-Nya apabila Dia mati di atas kayu salib. Di akhirnya, ketiga-tiga pokok itu menemukan tujuan dan makna sebenar ketika ia melayani dan memuliakan Tuhan.

Sebagai umat Tuhan, tujuan sebenar kita juga adalah untuk melayani dan memuliakan Dia. Dalam petikan ayat Alkitab hari ini, ia mengatakan bahawa kita adalah keimamatan yang kudus, mempersembahkan korban-korban rohani yang diterima oleh Allah melalui Yesus Kristus. Malah, kita sebenarnya imam-imam Allah! Peranan seorang imam adalah untuk melayani, memuliakan dan memberkati nama-Nya. Sebagai seorang imam dalam Kerajaan Tuhan, adakah anda mengambil peranan anda melayani Tuhan dengan sungguh-sungguh?

*Hari ini, mari kita berdoa supaya kita akan menggenapi tujuan kita untuk melayani dan memuliakan Tuhan.*


- Minta Tuhan untuk mengampuni anda sekiranya anda hanya melayani dan menyembah Dia apabila anda rasa mahu melakukannya.
- Minta Roh Kudus untuk menunjukkan kepada anda bagaimana Tuhan mahu anda melayani Dia.
- Berterima kasih kepada Tuhan untuk minggu ini, kerana melakukan satu pekerjaan yang baik di dalam hati anda.

\*Cerita tentang Tiga Pokok telah ditulis oleh seorang penulis yang tidak dikenali.

## **MINGGU 3: SEMOGA KERAJAAN TUHAN MEMERINTAH DALAM KELUARGA-KELUARGA**

Ada satu perkara yang anak-anak itik lakukan dengan sangat baik, iaitu berjalan mengikut! Anda mungkin pernah melihat anak-anak itik melakukan ini di belakang halaman jiran, atau mungkin di dalam gambar. Jika anda mahu melihat anak-anak itik berjalan mengikut, cari di dalam internet kata kunci ini: Ducks crossing busy street Phila youtube ... ia melakukannya dengan sangat baik!

Anak-anak itik tidak mengikut sesiapa sahaja; ia mengikut benda pertama bergerak yang ia lihat ketika ia menetas, iaitu selalunya ibu mereka. Sebaik sahaja ia memutuskan untuk mengikut pemimpin itu, ia akan melakukannya dari saat ia telah menetas.



Naluri ‘mengikut’ ini tidak hanya ditemukan dalam anak-anak itik – sesetengah spesies lain burung seperti ayam, angsa, ayam belanda dan angsa putih turut berbuat ini. Beberapa ahli saintis telah mendapati hal ini menarik minat dan telah menyiasat kelakuan yang aneh ini – salah seorang yang amat terkenal ialah Konrad Lorenz, seorang ahli alamiah dari Austria. Dia menetaskan beberapa ekor anak angsa dan memastikan bahawa dia adalah benda pertama bergerak yang dilihat oleh anak-anak angsa itu. Apa yang terjadi adalah anak-anak angsa itu berkeputusan yang dia adalah ‘induk’ anak-anak angsa itu dan anak-anak angsa itu mengikut dia ke mana saja dia pergi!

**MENGAPAKAH  
PADA FIKIRAN ANDA ITIK-ITIK,  
ANGSA-ANGSA DAN SPESIES LAIN YANG SAMA  
MELAKUKANINI?**

Kongsikan pendapat-pendapat anda dengan Rakan  
Daftar-masuk anda jika anda melakukan ini bersama.

\*\*Rujuk jawapan di mukasurat yang terakhir\*\*

Kita semua adalah seperti anak-anak itik dalam beberapa keadaan. Banyak hal yang kita tahu, lakukan dan katakan telah dipelajari daripada ibu bapa kita. Ini adalah contoh mudah sebab hubungan kita dengan ibu bapa kita adalah lebih rumit berbanding dengan anak-anak itik dan induk ia. Bagaimanapun, terdapat suatu yang penting yang kita boleh pelajari di sini – hubungan di antara ibu bapa dengan anak-anak mereka adalah perlu disebabkan oleh perkara yang mereka boleh ajar kita.



## DI DALAM MAZMUR 78:1-8, DIKATAKAN:

Dengarlah ajaranku, hai umatku, dan perhatikanlah kata-kataku. Aku akan menggunakan kata-kata hikmat, dan menjelaskan rahsia zaman dahulu, perkara yang telah kita dengar dan ketahui, yang telah diberitahu oleh nenek moyang kita. Kita tidak akan merahsiakannya daripada anak-anak kita, kita akan memberitahu keturunan yang akan datang tentang kuasa TUHAN dan tindakan-Nya yang hebat, serta perbuatan ajaib yang telah dilakukan-Nya.

Dia memberikan hukum kepada umat-Nya, Israel, dan perintah kepada keturunan Yakub. Dia memberikan amanah kepada nenek moyang kita supaya mengajarkan hukum-Nya kepada anak-anak mereka, supaya keturunan selanjutnya dapat mempelajarinya, dan kemudian memberitahunya kepada anak-anak mereka. Dengan demikian mereka juga akan berharap kepada Allah, dan tidak melupakan perbuatan-Nya, tetapi selalu taat kepada perintah-Nya. Mereka tidak akan menjadi seperti nenek moyang mereka, umat yang sentiasa memberontak dan tidak taat; iman mereka tidak pernah kukuh, dan mereka tidak setia kepada Allah.

**MINGGU INI,** Kita akan mendoakan untuk kerajaan Tuhan memerintah di dalam keluarga-keluarga. Semoga setiap keluarga jadi kuat dalam Tuhan supaya Tuhan akan memerintah sebagai Raja mereka!

19 Ogos /  
Isnin

### Berdoa untuk satu Warisan Iman

Makanan rohani ~ Mazmur 78: 1-8

Jika anda tidak pasti apakah satu warisan itu, ia adalah sesuatu yang tentangnya kita perkatakan dalam pengenalan minggu ini. Satu warisan adalah sesuatu yang diperturunkan, biasanya daripada ibu bapa kepada anak-anak mereka. Ia boleh jadi satu warisan sejumlah satu juta dolar (itu akan menyeronokkan!), satu warisan kebaikan kepada orang lain atau apa-apa sahaja yang diberikan dan diperturunkan.

Kita akan mula minggu ini dengan mendoakan untuk satu warisan iman di kalangan keluarga-keluarga dalam Malaysia. Di dalam keluargalah anak-anak mulai mengasih Tuhan secara mendalam melalui apa yang diajarkan ibu bapa kepada mereka. Ibu bapa mempunyai satu tanggungjawab yang besar untuk membawa anak-anak mereka kepada Tuhan dan mengajar mereka tentang siapa Tuhan, betapa baik Dia selama ini, dan bagaimana hebatnya Dia. Jika ibu bapa tidak memperturunkan pengetahuan ini, anak-anak mereka dan anak-anak kepada anak-anak mereka akan sesat, tanpa ada kasih dan pengetahuan akan Allah. Ini perkara yang amat buruk dan kita perlu mendoakan ibu bapa-ibu bapa agar melaksanakan tanggungjawab yang berat ini!

**Mari kita berdoa agar:**

- Ibu bapa di Malaysia akan memahami bahawa mereka bertanggungjawab untuk memperturunkan kasih dan pengetahuan mereka akan Tuhan kepada anak-anak mereka.
- Tuhan akan memberikan ibu bapa kebijaksanaan & komitmen untuk melakukan ini.
- Akan adanya satu warisan iman di Malaysia!

20 Ogos /  
Selasa

## Doakan bagi Gereja-Gereja untuk menyokong keluarga-keluarga

Makanan rohani ~ 1 Korintus 12: 12-14

Keluarga memerlukan gereja mereka untuk menyokong mereka. Tuhan membina gereja dengan satu cara yang istimewa iaitu semua orang ada sesuatu untuk diberi supaya yang lain dapat ditolong. Keluarga adalah satu bahagian daripada gereja, dan mereka memerlukan nasihat, doa dan bimbingan daripada bahagian-bahagian lain gereja. Gereja-gereja di Malaysia perlu melihat bahawa pertolongan mereka sangat diperlukan untuk membina keluarga-keluarga yang sihat.

- Fikirkan tentang sebuah keluarga di dalam gereja anda untuk didoakan.  
Tulis nama keluarga mereka di sini \_\_\_\_\_.  
Anda boleh berdoa kepada Tuhan untuk memberikan ibu bapa dalam keluarga itu kebijaksanaan supaya mereka boleh mengajar anak-anak mereka tentang Dia.  
Mungkin anda melihat bahawa sebuah keluarga memerlukan bantuan kewangan.  
Anda boleh juga mendoakan tentang itu.

**Mari kita berdoa agar:**

- Gereja-gereja di Malaysia akan tahu tanggungjawab mereka untuk membimbang, menolong, dan berdoa bagi keluarga-keluarga.
- Keluarga-keluarga akan bertumbuh kuat oleh sebab sokongan gereja mereka!

21 Ogos /  
Rabu

## Doakan bagi Bapa-Bapa

Makanan rohani ~ Yosua 24: 14-15

Apakah perbezaan di antara sebuah termometer dan sebuah termostat? Baiklah, sebuah termometer menyatakan suhu. Contohnya, jika anda sakit, jururawat biasanya akan meletakkan sebatang termometer di bawah lidah anda untuk mengetahui suhu badan anda. Sebuah termostat pula berbeza. Ia menetapkan suhu. Jika anda merasakan udara di dalam sebuah bilik itu panas, biasanya anda akan menghidupkan pendingin udara, betul? Alat pendingin udara ada sebuah termostat yang akan mengawal tahap panas atau sejuk sesebuah bilik.

Bapa-bapa adalah seperti termostat di dalam sebuah keluarga. Mereka dipanggil oleh Tuhan untuk menjadi pemimpin rohani di dalam keluarga mereka. Perbuatan mereka akan mengawal persekitaran rohani di dalam rumah – samada keluarga itu ‘panas’ atau ‘sejuk’ untuk Tuhan. Dalam ayat Alkitab hari ini, Yosua bertindak sebagai ketua rohani di dalam keluarganya dan memutuskan bahawa keluarganya akan jadi ‘panas’ untuk Tuhan.

**Kita perlu berdoa untuk bapa-bapa Kristian di Malaysia. Ibu-ibu juga adalah sebahagian daripada kepimpinan di dalam keluarga, tetapi tanpa bapa-bapa, sesebuah keluarga tidak memiliki satu arah yang teguh.**

- Doakan bagi bapa-bapa yang tidak mengambil peranan sebagai pemimpin rohani, dan bapa-bapa yang bukan Kristian. Berdoa agar Tuhan akan mengubah hati mereka.
- Berdoa supaya Tuhan akan memberikan bapa-bapa di Malaysia kebijaksanaan, keberanian dan komitmen untuk memimpin keluarga mereka dalam Tuhan.

**22 Ogos /  
Khamis**

## **Doakan untuk Perkahwinan yang Kuat**

*Makanan rohani ~ Matius 19: 4-6*

Perkahwinan adalah kudus di mata Tuhan. Ini bermaksud bahawa perkahwinan adalah suci di mata Tuhan, dan Dia menerima janji yang telah dibuat oleh lelaki dan wanita yang berkahwin untuk saling mengasihi dan menghormati satu sama lain bagi kehidupan mereka selanjutnya dengan sangat serius.

Bagaimanapun, banyak pasangan di Malaysia yang sudah berkahwin tidak patuh kepada Tuhan dalam hal ini. Suami dan isteri mengambil keputusan untuk tidak terus mengasihi dan menghormati satu sama lain apabila mereka ada masalah, dan ramai juga yang bercerai. Sedihnya, ini turut terjadi di dalam keluarga Kristian dan banyak keluarga tercerai-berai disebabkan ini.

Perpecahan sesebuah keluarga adalah satu pengalaman yang amat menyakitkan bagi pasangan dan juga anak-anak. Mungkin anda sedang melalui masalah yang sama di dalam keluarga anda. Jika anda sedang melaluinya, ucapan doa ini dengan saya:

*Bapa, saya sangat sedih bahawa ibu bapa saya ada masalah dalam perkahwinan mereka / telah mengambil keputusan untuk bercerai. Walaupun ini sedang berlaku, saya tahu yang Engkau ada bersama saya dan Engkau menolong saya untuk menghadapi masalah ini. Saya mahu terus mendoakan ibu bapa saya agar Engkau akan menolong mereka dengan masalah mereka. Bantu mereka untuk memaafkan satu sama lain, dan untuk mengasihi serta menghormati satu sama lain. Saya menyerahkan mereka kepada Mu, dan saya memberikan semua masalah saya kepada Mu sebab Engkau menjaga saya. Dalam nama Yesus saya berdoa, Amin.*

*Terima kasih kerana mengucapkan doa ini. Tuhan mendengar anda dan tahu perasaan anda. Hari ini, mari kita berdoa juga bagi keluarga yang lain di Malaysia:*

- Berdoa supaya Tuhan menolong & menghiburkan hati keluarga yang sedang menghadapi masalah.
- Berdoa supaya pasangan yang sudah berkahwin mengingati janji mereka kepada Tuhan & meminta daripada Tuhan kekuatan untuk menepati janji itu.
- Berdoa agar Kerajaan Tuhan ada dalam semua perkahwinan di Malaysia.

**23 Ogos /  
Jumaat**

## **Doakan bagi Ibu Bapa untuk membesar...**

*Makanan rohani ~ Efesus 6: 1-4*

Membesar anak adalah satu tanggungjawab yang besar – dan Tuhan telah memberikan tanggungjawab ini kepada ibu bapa. Ini merupakan salah satu sebab anak-anak diperintahkan oleh Tuhan untuk menghormati ibu bapa mereka. Tuhan meletakkan ibu bapa mereka untuk menjaga mereka, dan mereka perlu menghormati hal itu.

Dengan tanggungjawab yang begitu besar, ibu bapa memerlukan banyak kebijaksanaan. Banyak ibu bapa sekarang tidak meluangkan cukup masa menjaga anak-anak mereka. Banyak yang sibuk dengan kerja dan ada orang lain untuk menjaga anak-anak mereka. Banyak masalah timbul apabila anak-anak jarang melihat ibu bapa mereka. Anak-anak berasa tidak disayangi oleh ibu bapa mereka dan mulai berperangai buruk. Anak-anak juga tidak belajar tentang Tuhan sebab ibu bapa mereka tidak ada di rumah untuk mengajar mereka. Malah, ibu bapa mulai bergantung pada gereja untuk mengajar anak-anak mereka tentang Tuhan, yang sememangnya tidak mencukupi. Akhirnya, banyak anak-anak tidak mengikuti Tuhan, dan mereka juga mendapat sukar untuk menghormati ibu bapa mereka seperti yang diperintahkan Tuhan.

*Hari ini, mari kita berdoa kepada Tuhan untuk memberikan ibu bapa kebijaksanaan. Kadang-kadang, ia sangat susah bagi ibu bapa membuat keputusan untuk meluangkan lebih masa dengan anak-anak mereka sebab terlalu banyak kerja untuk mereka buat. Walau bagaimanapun, kita perlu berdoa supaya Tuhan akan menunjukkan mereka satu jalan, dan akan menolong mereka melihat bahawa mereka harus pastikan anak-anak mereka dibesarkan dengan betul:*

- Berdoa supaya ibu bapa akan tahu samada mereka meluang cukup masa dengan anak-anak mereka atau tidak.
- Berdoa supaya Tuhan akan membuka jalan bagi mereka untuk meluangkan masa dengan anak-anak mereka dan mengajar mereka tentang Dia.
- Berdoa agar ibu bapa di Malaysia akan membesarkan anak-anak mereka dengan baik!

**24 Ogos /  
Sabtu**

## **Doakan bagi Ibu Bapa Tunggal**

*Makanan rohani ~ Mazmur 118: 5-7*

Tidak semua orang ada keistimewaan memiliki kedua-dua bapa dan ibu dalam keluarga mereka. Sesetengah keluarga mungkin kehilangan seorang bapa atau ibu disebabkan oleh penyakit atau dalam satu kemalangan. Keluarga yang lain mungkin mempunyai ibu bapa yang sudah bercerai.

Tidak mudah berperanan sebagai seorang ibu bapa tunggal sebab mereka perlu melakukan tugas dua orang. Ibu bapa Tunggal selalunya penat atau berhadapan masalah kewangan tidak mencukupi bagi menyara keluarga mereka. Bagaimanapun, mereka boleh berharap dalam hal ini – tidak kira betapa susahnya masalah mereka, Tuhan lebih besar daripada masalah mereka. Tuhan sendiri ialah penolong mereka dan akan menyokong mereka.

*Hari ini, mari kita mengangkat ibu bapa tunggal kepada Tuhan:*

- Berdoa supaya Tuhan akan memberikan mereka kemampuan untuk menjaga keluarga mereka.
- Berdoa supaya Tuhan akan memberikan mereka pertolongan istimewa dalam segala yang mereka lakukan.
- Berdoa supaya gereja akan bersedia untuk membantu ibu bapa tunggal.

**Semoga Kerajaan Tuhan memerintah dalam keluarga-keluarga ini!**



25 Ogos /  
Ahad

## Doakan untuk Kekuatan Rohani dalam keluarga

Makanan rohani ~ Efesus 6: 10-18

Setelah membaca bahagian ayat hari ini, bolehkah anda isikan ruang kosong di bawah?

1. Topi besi P \_\_\_\_\_
2. Perisai dada K\_\_\_\_\_
3. Perisai di tangan K\_\_\_\_\_
4. Pedang daripada Roh Allah F\_\_\_\_\_
5. Tali pinggang A\_\_\_\_\_
6. Kasut K\_\_\_\_\_
7. B\_\_\_\_\_

Inilah senjata-senjata yang Tuhan telah berikan kita untuk melawan Kerajaan kegelapan! Keluarga sering berada di bawah serangan Kerajaan kegelapan. Bagaimanapun, banyak keluarga Kristian belum bersenjata lengkap dengan senjata-senjata rohani yang Tuhan berikan mereka! Setiap keluarga harus mulai 'bersedia' supaya mereka dapat berdiri kuat dan berkemenganan atas setiap cabaran-cabaran di hadapan mereka!

*Hari ini, kita akan berdoa agar:*

- Setiap keluarga Kristian akan tahu apakah senjata-senjata yang Tuhan telah berikan mereka & akan menggunakannya!
- Gereja-gereja di Malaysia akan melatih setiap keluarga dalam menggunakan senjata-senjata ini.
- Keluarga-keluarga Kristian di Malaysia akan berdiri kuat secara rohani di dalam Kerajaan Tuhan!



# MINGGU 4: SEMOGA KEBAJAAN TUHAN MEMERINTAH DI DALAM GEREJA

## TUHAN MENGASIHI GEREJA!

Jika Allah berpihak kepada kita, siapakah dapat melawan kita? Allah tidak menghalang Anak-Nya mengalami penderitaan, tetapi mempersempahkan Anak-Nya sebagai korban untuk kita semua. Jika Allah mengurniai kita Anak-Nya sendiri, tidakkah Dia akan memberikan segala sesuatu yang lain?

Roma 8:31 (b) – 32

### Dapatkah anda memahami betapa Tuhan mengasihi gereja?

Ayat yang indah di dalam Roma ini memberikan kita idea betapa Tuhan sungguh-sungguh mengasihi kita.

Pernahkah anda memberikan sesuatu yang sangat berharga bagi anda? Kita semua pernah memberikan barang-barang kepada orang yang kita kasih – mungkin kita mengasingkan sejumlah duit wang saku & menggunakannya untuk membeli sebuah hadiah untuk ibu kita. Atau mungkin ia sekeping kad yang mengambil masa lama untuk kita buat dan menuliskan sesuatu atasnya. Hadiah-hadiah ini adalah pembenaran akan wang, masa, usaha dan hati kita.

Tuhan juga memberikan kita satu hadiah kerana Dia mengasihi kita – Dia memberikan Anak-Nya sendiri! Dapatkah anda bayangkan hal itu? Dia membentarkan untuk Anak-Nya menderita di atas kayu salib dan menanggung dosa-dosa kita supaya kita boleh diampuni, bebas dan kembali kepada-Nya. Itulah sebuah kasih yang sukar bagi kita untuk memahaminya.

Jika Allah sangat mengasihi kita, siapakah pula yang sebenarnya melawan kita? Apakah cabaran-cabaran yang terlalu besar bagi gereja yang kita tidak dapat atasi? Tuhan sudah memberikan kita Anak-Nya sendiri – adakah anda berfikir Dia tidak akan menolong kita dengan segala sesuatu yang lain? Sebenarnya, dalam Tuhan, kita lebih daripada pemenang!

**MINGGU INI,** mari kita berdoa untuk Gereja-Gereja. Mari kita berdoa agar Gereja-Gereja di Malaysia akan setia dalam segala sesuatu yang Tuhan telah panggil mereka jadi sebegini. Tuhan menghargai Gereja, dan kita mesti berdoa dengan sungguh-sungguh supaya Gereja menjadi benar, tidak bercacat dan tidak bersalah di hadapan-Nya! Dan Allah yang mengasihi kita sudah tentu akan memberikan kita segala sesuatu. Anugerah-Nya lebih daripada cukup untuk kita!



**26 Ogos /  
Isnin**

## **Berdoa agar Gereja-Gereja akan kembali kepada Cinta Pertama mereka**

*Makanan rohani ~ Wahyu 2: 4-5*

Apakah yang Gereja dapat berikan Tuhan yang dihargai oleh Tuhan? Adakah ia banyak perkara yang kita buat? Dalam Alkitab, kita dapat melihat bahawa ia bukannya perkara-perkara itu yang terlebih penting kepada-Nya, tetapi hati kita untuk Tuhan – betapa besar kita mengasihi Dia.

Yesus berkata bahawa hukum yang terutama dalam Alkitab adalah untuk mengasihi Allah dengan segenap hati, kekuatan, minda dan jiwa kita – maksudnya untuk sungguh-sungguh mengasihi Dia! Tuhan menghargai apa yang kita buat untuk Dia, tetapi ia harus terlebih dahulu datang dari hati yang benar-benar mengasihi dan menghormati Dia. Dia mahu kita memberikan diri kita kepada-Nya, untuk meluangkan masa bagi mendengar suara-Nya, untuk mempercayai Dia, dan untuk melakukan apa yang dikatakan-Nya. Fokus kita harus pada Tuhan, bukan perkara lain!

*Hari ini, mari kita berdoa untuk gereja-gereja di Malaysia:*

- Berdoa agar Gereja-Gereja akan mengasihi dan menyembah Dia dengan sepenuh hati, minda, kekuatan dan jiwa mereka.
- Berdoa agar Gereja-Gereja akan menunggu untuk mendengar daripada Dia, dipimpin oleh Roh Kudus-Nya, dan tidak melakukan hal-hal untuk Tuhan jika belum mendengar daripada Dia!

**27 Ogos /  
Selasa**

## **Doakan Gereja untuk berseru kepada Tuhan** Makanan rohani ~ 2 Tawarikh 7: 14

Pernahkah anda rasa terdesak sebelum ini? Mungkin anda kehilangan sesuatu yang berharga bagi anda seperti sebuah telefon sel dan terdesak untuk mencarinya. Atau anda mungkin ternampak suatu permainan komputer di kedai yang anda benar-benar suka dan terdesak mahu memilikinya. Ingat perasaan itu? Satu perasaan yang mahukan sesuatu yang teramat sangat sehingga anda sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkannya.

Tindakan mencari Tuhan adalah menjadi terdesak untuk Dia. Jika kita mahu Tuhan mengubah Malaysia, kita selaku gereja perlu menjadi terdesak untuk Dia. Sebenarnya, Kerajaan Tuhan tidak dapat datang ke negara kita kecuali ia terlebih dahulu datang ke dalam gereja, umat-Nya. Tuhan sudah menjelaskan bahawa jika umat-Nya mahu merendahkan diri mereka dan berdoa, mencari wajah-Nya dan berhenti melakukan perbuatan jahat, Dia akan mendengar dari syurga, mengampunkan dosa mereka dan menjadikan negeri mereka makmur semula. Ini bermaksud bahawa gereja memainkan satu peranan yang sangat penting dalam negara kita – kita mesti terdesak untuk Tuhan demi negara kita!

*Hari ini, mari kita berdoa untuk Gereja supaya terdesak untuk Tuhan:*

- Berdoa agar kita selaku gereja akan mengenalpasti bahawa kita benar-benar memerlukan Tuhan.
- Berdoa agar kita akan berseru kepada-Nya, meminta Dia datang ke dalam hidup kita dan mengubah kita.
- Berdoa agar kita akan menjadi serius tentang Tuhan mengubah kita selepas menerima pengampunan-Nya

Melaikkan gereja sungguh-sungguh dengan Tuhan & membenarkan Roh Kudus-Nya untuk mengubah kita, kita tidak boleh mengharapkan apa-apa perubahan di Malaysia. Semoga umat Tuhan benar-benar mencari Dia!

**28 Ogos /  
Rabu**

## **Berdoa untuk Pemimpin-Pemimpin Rohani yang setia dalam Gereja-Gereja**

*Makanan rohani ~ 1 Petrus 5: 1-4*

Menjaga gereja Tuhan adalah satu tanggungjawab yang besar. Tuhan memerlukan agar pemimpin-pemimpin Gereja memiliki hati & sikap yang betul – mereka perlu rela, sedia untuk melayani, teliti, dan contoh yang baik bagi gereja. Akhirnya, mereka perlu menjawab Tuhan tentang bagaimana mereka menjaga gereja-Nya.

Kita perlu menyerahkan pemimpin-pemimpin Gereja kepada Tuhan. Banyak gereja tidak memuridkan dengan baik pemimpin-pemimpin baru – mereka hanya mengajar mereka cara untuk menjadi mahir, tetapi tidak membantu mereka bertumbuh sebagai pemimpin-pemimpin rohani yang matang, setia dan mengasihi gereja. Disebabkan ini, sesetengah pemimpin gereja tidak menjaga gereja dengan hati & sikap yang betul, dan gereja menderita.

*Hari ini, mari kita berdoa untuk pemimpin-pemimpin gereja yang setia:*

- Berdoa agar pemimpin-pemimpin baru akan diajar menjadi matang, setia dan mengasihi gereja
- Berdoa agar pemimpin-pemimpin rohani akan memiliki hati Gembala Tuhan untuk gereja.

**29 Ogos /  
Khamis**

## **Berdoa agar gereja-gereja akan mengasihi & melayani satu sama lain**

*Makanan rohani ~ Roma 12: 4-8*

Tuhan mewujudkan gereja supaya kita semua terbentuk daripada bahagian-bahagian yang berbeza dengan kurnia-kurnia (bakat/kemampuan) yang berbeza. Dalam sebuah gereja, setiap ahli memiliki satu kurnia yang boleh digunakan untuk menguatkan gereja. Bukan itu saja, setiap gereja secara keseluruhannya juga mempunyai panggilannya yang tersendiri dan kurnia istimewa daripada Tuhan.

Kurnia-kurnia adalah begitu sahaja – ia untuk digunakan. Tuhan memberikan kita kurnia-kurnia ini bukan untuk kita simpan bagi diri kita sendiri tetapi supaya kita dapat memberkati gereja yang dia kasih & memenuhi tujuan-Nya.

Hari ini, mari kita berdoa untuk gereja supaya setia dengan apapun kurnia yang mereka miliki. Setiap ahli gereja perlu menggunakan kurnia mereka untuk menguatkan satu sama lain. Selain itu, Gereja-Gereja di Malaysia juga perlu bekerjasama sebagai satu tubuh se-suai pimpinan Roh Kudus atas mereka. Sekarang di negara kita, gereja-gereja di Malaysia Timur & Barat perlu bertanya kepada Tuhan, apakah yang kita dapat lakukan untuk menguatkan satu sama lain? Marilah kita mencari Tuhan untuk kebijaksanaan dan pimpinan-Nya supaya gereja di Malaysia akan dikuatkan!

*Mari kita berdoa agar:*

- Setiap ahli di dalam sesebuah gereja akan melayani dengan setia satu sama lain menggunakan kurnia pemberian Tuhan, dengan gembira & tanpa merungut
- Gereja-Gereja di Malaysia akan tahu panggilan istimewa mereka daripada Tuhan & bermurah hati melayani satu sama lain.
- Gereja-Gereja di Malaysia Timur & Barat akan memahami daripada Tuhan cara mereka dapat menolong & melayani satu sama lain.

Gereja di Malaysia perlu dengan setia melayani satu sama lain jika kita mahu melihat Kerajaan Tuhan datang!

**30 Ogos /  
Jumaat**

## **Berdoa agar gereja-gereja akan menjadi garam & terang**

Makanan rohani ~ Matius 5: 13-16

Kita sebagai gereja Tuhan mempunyai satu panggilan tinggi – kita harus menjadi garam & terang dunia! Garam merupakan satu bahan yang sangat kecil, tetapi tanpa garam, makanan yang kita makan rasanya tidak akan sedap – tidak ada rasa. Demikian juga, suatu terang sekecil manapun akan menerangi sebuah bilik & membenarkan orang untuk melihat dengan jelas.

Apakah maksudnya gereja menjadi garam & terang? Secara mudahnya, ia ber maksud bahawa gereja perlu membawa kasih & kehadiran Tuhan ke mana saja Dia mengutuskan kita, sehingga memberikan hidup & mengusir gelap.

Kita sebagai Gereja-Nya harus setia sebagai garam & terang di dunia sebab inilah panggilan tinggi kita. Ramai orang Kristian tidak berkesan sebagai garam & terang kerana mereka tidak membawa kehadiran & kasih Tuhan ke dalam setiap bahagian kehidupan mereka – di rumah, dalam sekolah, di tempat kerja, dan dalam komuniti – apabila mereka di luar dan sedang melakukan hal-hal biasa, seharian. Kita dipanggil untuk membawa kasih & kehadiran Tuhan di mana pun kita berada; bukan saja ke gereja. Jika kita mahu melihat kerajaan Tuhan di rumah, dalam sekolah, di tempat kerja, dan di dalam komuniti... maka mengapa kita bukan garam & terang di sana?

*Hari ini, mari kita berdoa agar:*

- Gereja akan faham bahawa mereka adalah garam & terang ke mana pun mereka pergi
- Gereja akan kekal dalam hadirat Tuhan setiap hari & mendapatkan kuasa dari pada-Nya supaya mereka dapat menyentuh orang lain dengan kasih-Nya!

**31 Ogos /  
Sabtu**

## **Merdeka!**

Hari ini adalah hari negara kita mencapai kemerdekaan daripada pemerintahan British. Merdeka! Ia adalah hari Tuhan telah memberikan kita sebuah negara kita sendiri. Puji Tuhan untuk berkat-Nya!

*Hari ini, mari kita isytiharkan doa ini dengan iman ke atas negara yang Tuhan telah berikan kita. Mari kita isytiharkan bahawa Kerajaan Tuhan memerintah di Malaysia, dan agar Kerajaan kegelapan tidak ada tempat di sini. Semoga Malaysia kuat berdiri untuk Tuhan & mengalami penyelamatan Tuhan!*



# PERISYTHARAN

Kami selaku Gereja Mu mengisytharkan bahawa Kerajaan Mu memerintah di Malaysia.

Kami merendahkan diri di hadapan Mu dan mengakui bahawa

Engkaulah Tuhan dan Raja.

Tanpa Engkau, kami tidak dapat berbuat apa-apa.

Ampuni kami sebab tidak berjalan dalam jalan-jalan Mu & bawalah kami kembali kepada Mu.

Semoga Engkau bertakhta dalam hidup kami supaya penyelamatan  
dapat datang ke negara kami.

Hari ini, kami minta Engkau untuk datang ke setiap bahagian Malaysia-

semoga Engkau mengubah pemimpin-pemimpin,

komuniti-komuniti, tempat-tempat kerja, sekolah-sekolah dan rumah-rumah kami.

Letakkan pemimpin-pemimpin  
yang benar dan bijaksana ke atas kami yang takutkan Engkau.

Semoga mereka memerintah negara ini dengan hikmat-Mu  
supaya negara kami memuliakan Engkau.

Berkatikekayaan negara kami.

Semoga Malaysia tidak menjadi ekor tetapi kepala di dalam wilayah kami.

Semoga pemimpin-pemimpin kami bijaksana dan teliti dengan cara mereka mengurus kekayaan kami  
supaya akan ada lebih dan cukup untuk setiap orang dalam negara.

Semoga Engkau menyembuhkan yang sakit, yang buta, yang lumpuh, yang tuli,  
yang patah hati & yang tertindas dalam negeri.

Kami isytharkan kebebasan dan penyelamatan Mu atas hidup mereka!

Semoga kerajaan menjagai mereka & semoga Engkau membawa  
orang untuk menolong memperhatikan keperluan mereka.

Kami juga mengisytharkan penyelamatan Mu  
ke atas yang miskin dalam negara kami.

Semoga undang-undang dalam negara kami melindungi mereka. Semoga Engkau  
menyediakan keperluan mereka supaya mereka tidak kelaparan, kehausan atau telanjang.

Semoga Gereja Mu menjaga mereka & membawa harapan Mu  
dan damai kepada yang miskin.

Biarlah tujuan-tujuan Mu digenapi dalam negara kami.

Kami gereja Mu berdoa agar kerajaan Mu datang -  
bertakhtalah Raja Yesus di Malaysia!

## Berdoa agar gereja-gereja akan memuridkan bangsa-bangsa

Makanan rohani ~ Matius 28: 18-20

Apa yang tertulis dalam bahagian ayat Alkitab hari ini adalah Amanat Agung. Ia merupakan kata-kata terakhir Yesus kepada murid-murid-Nya sebelum Dia diangkat ke syurga. Ia kata-kata kemenangan kerana pada waktu itu, Yesus sudah mengalahkan Kerajaan gelap dan telah bangkit daripada kematian. Dia mengisyiharkan, "Aku telah diberi segala kuasa di syurga dan di bumi". Dialah Raja dan Tuhan atas segalanya!

Sekarang Yesus adalah Raja atas semua raja, apakah maksud ini bagi semua murid-murid-Nya, termasuklah kita? Dia mengatakan dalam perintah-Nya yang terakhir, "Pergilah kepada semua bangsa di seluruh dunia dan jadikanlah mereka pengikut-Ku...." Kita sebagai murid-murid-Nya perlu menjadikan murid atau pengikut Yesus, dengan Raja atas semua raja bersebelahan kita!

Untuk mematuhi perintah ini, kita mesti dengan penuh azam berusaha untuk menjadikan orang lain sebagai murid. Memuridkan orang mengambil masa & pimpinan Roh Kudus. Yesus mengambil masa 3 tahun pelayanan-Nya mengajar & menjaga murid-murid-Nya, dan selepas naik ke syurga, Dia memberikan mereka Roh Kudus. Gereja awal turut diajar kebenaran-kebenaran alkitabiah & dijaga oleh murid-murid yang terdahulu.

*Hari ini, mari kita berdoa agar gereja-gereja akan terus menjadikan murid semua bangsa di seluruh dunia. Banyak gereja pada hari ini bermula dengan memperkenalkan Yesus kepada orang-orang, tetapi tidak terus menjadikan murid orang-orang yang baru percaya. Jika gereja-gereja mengajar orang-orang yang baru percaya untuk mematuhi semua perintah Yesus, maka tindakan memperkenalkan sahaja Yesus kepada mereka tidaklah cukup – gereja-gereja perlu mengambil masa dan dipimpin oleh Roh Kudus untuk mengajar dan menjaga mereka!*

- Berdoa agar gereja-gereja tidak akan mengambil jalan mudah tetapi akan mengambil masa & usaha untuk memuridkan orang-orang percaya.
- Berdoa agar setiap gereja di Malaysia akan fokus untuk membina orang-orang percaya yang kuat yang memahami ajaran Yesus dalam Kerajaan-Nya supaya mereka menjadi murid-murid Yesus yang benar



# MINGGU 5: SEMOGA KERAJAAN TUHAN MEMERINTAH DALAM KOMUNITI

## ...Tetapi saya pergi ke gereja.

**Terdapat satu perumpamaan yang diceritakan oleh Yesus untuk menunjukkan pendapat-Nya yang sebenar mengenai seorang Kristian sejati.**

Ia bermula dengan seorang guru Taurat yang mahu menguji Yesus. Nyata, guru yang pakar itu selalu pergi menyembah Tuhan di Rumah Ibadat, tahu firman Tuhan dengan baik, dan memandang tinggi dirinya sendiri.

Dia tanya Yesus, "Guru, apakah yang harus saya lakukan supaya mendapat hidup sejati dan kekal?"

Yesus menjawab dengan satu soalan, Apakah yang tertulis di dalam Alkitab? Bagaimanakah tafsiranmu?"

Sebagai seorang yang pakar, lelaki ini memberikan jawapan yang betul. "Kasihilah Tuhan Allahmu dengan sepenuh hatimu, dengan segenap jiwamu, dengan segala kekuatanmu, dan dengan seluruh akalmu"; dan 'Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri.' "

Yesus menerima jawapannya. "Jawapanmu itu benar", kata Yesus. "Berbuatlah demikian dan kamu akan mendapat hidup sejati dan kekal."

Walaupun yang pakar telah memberikan jawapan yang betul, dia berasa tidak selesa. Mungkin dia merasakan bahawa dia tidak mengasihi sesamanya sebanyak mana yang dia sepatutnya mengasihi sesamanya. Dia terus menanyakan Yesus, "Siapakah sesama saya?"

**Jadi, Yesus menjawab dia dengan perumpamaan ini.**

Seorang lelaki dalam perjalanan dari Yeru-

- salem ke Yerikho. Di tengah perjalanan, dia terserempak dengan sekumpulan perompak yang menyerang dia. Perompak itu berlaku sangat jahat terhadapnya. Mereka merampas bajunya, memukul dia dan meninggalkannya di tepi jalan. Lelaki yang malang itu setengah hidup.
- Kebetulan pada masa itu seorang imam lalu di situ. Memang, dia nampak lelaki yang hamip mati itu terbaring di atas jalan. Apakah yang diperbuat oleh imam itu? Apabila dia melihat orang itu, dia menyeberang jalan untuk mengelak lelaki itu dan meneruskan perjalannya!
- Selepas itu, seorang lagi lalu di situ. Kali ini, ia seorang Lewi. Orang Lewi merupakan pembantu imam di Rumah Ibadat dan mereka dianggap 'suci'. Bagaimanapun, orang Lewi itu mendekati orang itu untuk melihatnya. Apakah yang diperbuatnya? Dia berbuat tindakan yang sama! Dia menyeberang jalan, dan meneruskan perjalannya.
- Tetapi, orang yang ketiga lalu di jalan itu. Kali ini, dia seorang Samaria. Sebenarnya, orang Yahudi tidak menyukai orang Samaria dan tidak bercampur-gaul dengan mereka.
- Akankah orang Samaria itu menolong seorang Yahudi yang setengah mati terbaring di tepi jalan memandangkan kebanyakan orang Yahudi tidak sesekali mempertimbangkan untuk bercakap dengannya? Amat mengejutkan, orang Samaria itu merasa penuh belas kasihan terhadap lelaki itu.
- Dia mendekatinya lalu membersihkan luk-lukanya dengan wain dan mengubatinya dengan minyak. Selepas itu dia membalut luka-lukanya dan menaikkan orang itu ke atas haiwan tunggangannya sendiri. Dia mencari sebuah rumah tumpangan supaya lelaki itu

dapat sembah, dan di situ, orang Samaria itu merawat dia.

Keesokan harinya, orang Samaria itu memberikan dua keping wang perak (ia sama dengan gaji untuk 2 hari) kepada tuan rumah tumpangan. "Rawatlah dia," katanya, "dan apabila saya kembali, saya akan membayar awak untuk apa-apa belanja lebih kerana menjaga lelaki itu." Orang Samaria itu telah menunjukkan kemurahan hati sedemikian kepada seorang yang tidak dikenali.

\*\*\*

Setelah Yesus selesai menceritakan perumpamaan itu, Dia bertanya kepada guru Taurat itu, "Menurut pendapatmu, di antara ketiga-tiga orang itu, siapakah yang menjadi sesama orang yang dirompak itu?"

Jawapannya sudah nyata. Guru Taurat itu menjawab, "Orang yang menunjukkan belas kasihan kepadanya."

Yesus berkata kepadanya pula,  
"Pergilah dan berbuatlah demikian."

## **Apakah yang dapat kita pelajari daripada perumpamaan ini?**

Sekiranya kita jujur dengan diri kita sendiri, ramai daripada kita adalah seperti Imam dan orang Lewi itu.

Kita tahu banyak tentang Tuhan, kita membaca firman-Nya, dan kita ke gereja setiap Ahad. Namun, kita kurang satu perkara – mengasihi orang lain.' Tetapi saya pergi ke gereja...' fikir kita. Bagaimanapun, apabila kita melihat seseorang dalam kesusahan, atau seseorang yang memerlukan pertolongan kita, kita berpura-pura tidak nampak sebab kita tidak mengasihi mereka. Kita hanya dapat memikirkan tentang betapa menyusahkan bagi diri kita sendiri dan tidak ada perasaan tentang keadaan orang lain.

Yesus menggunakan orang Samaria itu

sebagai satu contoh sebab ia menunjukkan bahawa kehadiran di gereja, membaca firman-Nya dan tahu banyak tentang Tuhan tidak bermaksud kita sedang melakukan kehendak Tuhan. Orang Samaria itu menunjukkan maksud sebenar melakukan kehendak Tuhan dengan memberikan penjagaan kepada orang lain.

### **Adakah anda mahu menjadi seperti Imam dan orang Lewi itu, atau seperti orang Samaria itu?**

Perkara sebenar adalah, ramai daripada kita tahu ia baik menjadi seperti orang Samaria itu tetapi mendapatinya sukar untuk mempedulikan orang lain walaupun ketika mereka sangat-sangat memerlukan pertolongan. Fikiran kita adalah untuk diri kita sendiri – betapa menyusahkan bagi diri kita, berapa banyak belanja kewangannya, atau berapa banyak masa akan diambil. Hati kita keras, sama seperti orang Lewi dan Imam itu.

Tetapi... ada berita baik. Yesus telah membuka jalan bagi kita. Kita semua benar-benar tidak berhak untuk kehidupan kekal kerana kita tidak mengasihi sesama kita. Namun, Yesus telah mengambil kejahatan kita apabila Dia mati di atas kayu salib dan menanggung dosa-dosa kita. Sekarang, kita ada pengampunan daripada Bapa disebabkan perbuatan Yesus. Sekarang, kita boleh berusaha melakukan kehendak Tuhan dalam damai, dengan pengetahuan bahawa Tuhan telah mengampuni dosa-dosa kita.

### **Jadi, adakah ini bermaksud bahawa kita tidak perlu menjadi seperti orang Samaria itu?**

Tidak! Maksudnya ini adalah kita boleh meminta pengampunan Tuhan sebab kita kurang mengasihi orang lain, dan meminta Tuhan untuk menolong kita dalam hal ini melalui kuasa Roh Kudus.

Kita tidak dapat melakukan segala sesuatu dengan kekuatan diri kita sendiri, tetapi sesungguhnya, kita dapat melakukan SEMUA perkara melalui Kristus yang menguatkan kita!

**MINGGU INI.** Kita akan berdoa untuk Kerajaan Tuhan datang dalam komuniti-komuniti kita. Apa yang Tuhan benar-benar mahu kita lakukan adalah untuk mengasihi sesama kita – yang sebenarnya sesiapa saja yang kita mungkin temui dalam komuniti kita. Komuniti kita bukan saja mereka yang kita kenal yang berada di gereja, tetapi mereka yang hidup di sekitar kita. Ia sungguh-sungguh dalam hati Tuhan agar kita mempedulikan mereka, menunjukkan mereka kasih-Nya, dan menolong mereka apabila mereka memerlukannya. Marilah kita berdoa dan minta Roh Kudus memampukan orang-orang Kristian melakukan kehendak Tuhan di dalam komuniti kita!

**2 Sept / Isnin**

## **Bersyukur kepada Tuhan untuk komuniti kita**

*Makanan rohani ~ Mazmur 68: 7*

Dalam ayat hari ini, ia mengatakan bahawa Tuhan ‘memberi keluarga kepada yang tidak ada saudara mara,...’ Beberapa versi lain menulisnya sebagai Allah ‘memberi tempat tinggal kepada orang-orang sebatang kara.’ Ini bermaksud bahawa ia adalah satu berkat jika dimiliki di suatu tempat, di mana anda selamat dan dijaga.

Di manakah tempat anda merasa selamat dan dijaga? Kebanyakan daripada kita akan bermula dengan mengatakan, ‘di dalam keluarga kami.’ Di dalam keluarga kita, kita dilindungi dan dikasihi. Selain daripada keluarga kita, kita juga kepunyaan sebuah tanah air atau negara. Itulah komuniti kita yang lebih besar. Siapakah yang tinggal di dalam negara kita? Mereka yang kita jumpa di sekolah, di kedai-kedai, di pejabat-pejabat ibu bapa kita, di bandar dan kampung... sesiapa sahaja yang ada di Malaysia. Beberapa orang dalam komuniti kita mungkin kita kenal, dan sesetengahnya kita mungkin tak kenal. Tetapi mereka sebahagian daripada komuniti kita kerana bersama, kita kepunyaan tempat yang sama.

*Hari ini, mari kita bersyukur kepada Tuhan untuk komuniti yang Dia telah berikan kita. Ia adalah satu berkat daripada Tuhan untuk tergolong di suatu tempat.*

- Bersyukur kepada Tuhan untuk keluarga anda & apa yang mereka telah lakukan untuk anda.
- Bersyukur kepada Tuhan untuk teman-teman anda, sekolah dan ahli-ahli gereja.
- Bersyukur kepada Tuhan untuk orang-orang yang tinggal di Malaysia.
- Bersyukur kepada Tuhan untuk satu tempat kepunyaan kita.

**3 Sept / Selasa**

## **Berdoa bagi komuniti kita untuk mengalami Kerajaan Tuhan**

*Makanan rohani ~ KPR 2: 42-47*

Dalam gereja awal, apabila Roh Kudus dicurahkan ke atas orang-orang dengan kuasa yang besar, mereka telah mengalami satu perkara yang istimewa – hidup bersama sebagai satu komuniti cara Tuhan!

Mereka berdoa dan belajar tentang Tuhan bersama-sama, saling menjaga di antara satu sama lain dengan mengorbankan milik mereka, dan menikmati kehadiran satu sama lain melalui hidangan-hidangan. Komuniti ini sungguh-sungguh diberkati sebab mereka hidup dalam satu komuniti yang menghormati Allah dan satu sama lain.

Kehidupan berkomuniti jenis ini adalah yang kita sebagai orang-orang Kristian boleh miliki. Apabila Tuhan ialah yang nombor satu dalam hidup kita, kita akan menghormati Dia dan satu sama lain serta benar-benar hidup bersama sebagai sebuah komuniti yang diberkati.

***Hari ini, mari kita berdoa untuk Kerajaan Tuhan datang atas komuniti kita, sama seperti yang terjadi dalam gereja-Nya .***

- Berdoa agar orang Kristian akan meletakkan Dia pertama & hidup dalam satu komuniti yang diberkati.
- Berdoa agar Gereja akan menjadi teladan yang baik kepada komuniti lain yang lebih besar di Malaysia.
- Berdoa agar komuniti Malaysia akan diubah oleh sebab Kerajaan Tuhan.

**4 Sept / Rabu**

## **Berdoa untuk anugerah Tuhan mengatasi kegelapan dalam Komuniti kita**

**Makanan rohani ~ Yohanes 1: 4-5**

*Punca semua masalah dalam sesebuah komuniti adalah kurang kasih untuk satu sama lain. Di Malaysia, ada beberapa perkara yang menyebabkan orang menjadi lebih mementingkan diri sendiri dan berhenti mempedulikan satu sama lain.*

- Cinta terhadap kebendaan, sehingga menyebabkan orang lebih memikirkan keperluan mereka sendiri daripada keperluan orang lain.
- Satu jurang yang besar di antara yang kaya dengan yang miskin, sehingga menyebabkan orang tinggal berasingan daripada satu sama lain, berhenti bercampur-gaul dan tidak mempercayai satu dengan yang lain.
- Undang-undang yang tidak adil yang memberi lebih keistimewaan kepada suatu kumpulan tertentu. Ini menyebabkan kemarahan dan ketakgembiraan di dalam komuniti.
- Masalah-masalah dengan ketagihan dadah dan moral yang rendah, yang mencerai-beraikan keluarga dan menyebabkan masalah seperti rompakan, penyakit dan penyalahgunaan dalam komuniti-komuniti.
- Ketamakan dan perancangan yang buruk, sehingga menyebabkan beberapa kumpulan dalam komuniti kehilangan tanah mereka kepada mereka yang lebih berkuasa.

***Kita perlu berdoa untuk Komuniti kita. Kuasa kegelapan yang memecahkan komuniti kita hanya dapat dikalahkan oleh tangan Tuhan.***

- Berdoa supaya Tuhan berbelas kasihan ke atas komuniti kita, bahawa Dia akan mengubah keadaan-keadaan ini di dalam komuniti.
- Berdoa agar Tuhan akan memberikan orang-orang Kristian kemampuan & kuasa menjadi orang Samaria yang baik hati di dalam komuniti.
- Berdoa agar Tuhan akan mengubah hati orang-orang di dalam komuniti dan meletakkan di dalam mereka suatu kasih dan keprihatinan untuk satu sama lain.

**5 Sept /  
Khamis**

## **Berdoa bagi Gereja untuk menggembalakan Komuniti**

*Makanan rohani ~ Matius 9: 36-38*

Tuhan mengasihi komuniti, dan hati-Nya tergerak apabila Dia melihat mereka menderita. Di dalam bahagian ayat hari ini, kita dapat melihat perasaan Yesus ketika Dia melihat kerumunan orang ramai. Mereka tidak menentu dan tidak berdaya, seperti domba tanpa gembala. Apakah yang Yesus lakukan terhadap hal ini? Dia memberitahu murid-murid-Nya untuk meminta Tuhan mengirimkan pekerja-pekerja ke dalam komuniti. Di sini, kita dapat melihat bahawa Tuhan kita mahu lebih ramai pekerja menjaga domba-Nya.

Sebagai gereja-Nya, Dia ialah kepala kita dan kita adalah tangan dan kaki-Nya. Kehendak-Nya adalah untuk kita mempedulikan bukan sahaja diri kita sendiri, tetapi untuk komuniti. Banyak orang yang hilang dan tidak berdaya di dalam komuniti. Mereka berhadapan dengan banyak masalah, seperti yang kita telah doakan semalam. Mereka benar-benar perlukan terang, kuasa dan kasih Tuhan untuk menyelamatkan dan melindungi mereka. Sebagai gereja Tuhan, kita perlu keluar ke dalam komuniti untuk menjaga domba-Nya.

***Hari ini, mari kita berdoa bagi gereja untuk menggembalakan komuniti.***

- Berdoa agar gereja akan memahami bahawa hati Tuhan ialah untuk komuniti community.
- Berdoa agar gereja menjadi pekerja-pekerja Tuhan untuk menjaga komuniti yang dikasih-Nya.

**6 Sept /  
Jumaat**

## **Berdoa agar Gereja-Gereja akan mengikut pimpinan Roh Kudus untuk bersatu**

*Makanan rohani ~ Yohanes 17: 20-21*

Ketika Yesus berada di bumi, Dia sudahpun berdoa bagi kita. Dia berdoa agar semua orang Kristian akan bersatu dengan Tuhan & dengan satu sama lain. Apabila orang-orang Kristian hidup cara ini, dunia akan melihat kemuliaan Tuhan dan percaya kepada Yesus.

Doa Yesus sedang diawab hari ini dan sehingga akhir zaman apabila Dia kembali ke bumi sekali lagi. Roh Kudus bekerja untuk menyatukan kita semua, dan kita sebagai umat-Nya mesti mendengar pimpinan Roh-Nya. Ini memuliakan Tuhan dan apabila orang-orang melihat kesatuan kita dan kembali kepada Yesus, Kerajaan Tuhan datang ke dalam komuniti.

***Hari ini, mari kita berdoa untuk gereja-gereja agar mengikut pimpinan Roh Kudus untuk bersatu.***

- Berdoa agar gereja-gereja di Malaysia akan mendengar dan mematuhi Roh Kudus.
- Berdoa agar ada kesatuan kuat di kalangan pastor-pastor dan pemimpin-pemimpin setiap gereja di Malaysia.
- Berdoa agar Tuhan akan memberikan pastor dan pemimpin kebijaksanaan dalam mengetahui bagaimana menyatukan gereja-gereja di Malaysia.
- Berdoa agar Komuniti akan disentuh oleh Kerajaan Tuhan melalui gereja-gereja di Malaysia.

**7 Sept / Sabtu**

## **Berdoa agar orang-orang Kristian akan bersetuju dengan satu sama lain dalam doa**

*Makanan rohani ~ Matius 18: 19-20*

Berdoa adalah salah satu senjata paling berkuasa yang kita ada untuk melawan musuh. Yesus berjanji kepada kita bahawa walaupun hanya dua orang setuju tentang apapun yang mereka mohon, Dia akan berada di sana dengan kita dan doa kita akan dijawab. Janji yang hebat!

Bagaimanakah kita mengasih komuniti melalui doa? Salah satu perkara yang kita boleh buat adalah untuk berkumpul bersama dengan seorang rakan doa atau beberapa orang dan berdoa! Jika semua orang bersetuju tentang perkara yang mereka minta daripada Tuhan, sesuai dengan kehendak-Nya, Tuhan telah berjanji bahawa Dia mendengar dan akan menjawab!

Berdoa bersama-sama tidak hanya boleh dilakukan di gereja. Berdoa dapat juga dilakukan bersama di rumah kawan, di sekolah, atau di jalan-jalan di luar rumah anda. Semasa anda berjalan-jalan untuk berdoa di sekitar kejiran anda, sekolah dan komuniti anda, anda boleh berdoa bagi mereka di sekeliling anda. Anda boleh minta Tuhan agar Kerajaan-Nya datang kepada keluarga jiran, teman-teman sekelas, guru-guru, pekedai-pekedai, perniagaan-perniagaan, dan di mana pun yang anda lalui. Ini akan membantu anda untuk fokus pada siapa dan apakah yang anda muah doakan. Bersetuju dengan doa anda dan Tuhan akan menjawab doa anda!

*Hari ini, mari kita berdoa agar:*

- Orang-orang Kristian akan bersatu dan berdoa bersama untuk Tuhan menyentuh komuniti mereka.
- Tuhan akan memberikan mereka perkara-perkara yang Dia mahu mereka doakan semasa mereka berjalan sekeliling kejiran, sekolah dan komuniti mereka.

**8 Sept / Ahad**

## **Bersyukur kepada Tuhan untuk komuniti kita**

*Makanan rohani ~ Filipi 2: 3-4*

Kita telah berdoa pada hari Khamis agar gereja akan menggembalakan komuniti. Yesus mengasih komuniti dan mahu kita memberkati mereka, mempedulikan mereka dan menolong mereka dengan keperluan-keperluan mereka. Tidak ada bukti nyata selain daripada apabila kita benar-benar mengasih komuniti. Bila kita melakukan ini, komuniti tidak hanya dipenuhi keperluan mereka, tetapi akan juga terbuka kepada kita kerana kita sudah membina satu hubungan kepercayaan. Inilah peluang yang kita ada untuk memberitahu mereka tentang Yesus dan penyelamatan-Nya bagi hidup mereka. Hanya apabila kita benar-benar mengasih dan membina hubungan dengan orang, barulah kita mampu mengongsikan berita baik dengan mereka.

*Hari ini, mari kita berdoa agar Tuhan akan memberikan orang-orang Kristian hubungan yang baik dengan komuniti.*

- Berdoa agar Tuhan akan memberi gereja-gereja peluang untuk membina hubungan yang kuat melalui kerja komuniti.
- Berdoa agar orang dalam komuniti akan mempercayai orang-orang Kristian dan menjadi terbuka kepada Tuhan apabila mereka melihat kerja-kerja baik orang Kristian di kalangan mereka.

## **MINGGU 6: SEMOGA KERAJAAN TUHAN MEMERINTAH DALAM NEGARA KITA**

**Ini adalah minggu terakhir Puasa & Doa 40 Hari kita!**

Sebelum kita mendoakan negara kita, ada sebuah lagu yang saya suka muh Berkongsi dengan anda semua. Ia diberikan tajuk ‘Malaysia bagi KemuliaanMu.’ Lagu ini bermohon kepada Tuhan untuk menggenapi kehendak-Nya di dalam negara kita, dan sebenarnya adalah doa kita untuk selama 40 hari ini.

Jika anda mempunyai laluan kepada sebuah komputer (Saya harap ada!). GOOGLE atau cari dalam internet kata-kata kunci berikut:

**“Malaysia bagi kemuliaanmu  
(with chords) youtube”**



**Sementara lagu dimainkan, sembah Tuhan & letakkan Dia yang pertama.**

Serahkan Malaysia kepada Dia untuk kemuliaan-Nya & minta Dia menggenapi kehendak-Nya di Malaysia. Jika anda tidak dapat menonton ini di komputer, saya mendorong anda untuk membaca lirik itu dengan suara yang kuat dalam sikap menyembah & jadikan ia doa anda untuk negara kita.

# **Malaysia bagi KemuliaanMu**

Yesuslah Tuhan yang layak ditinggikan  
Layak disembah oleh suku-suku bangsa  
Dengan darah-Mu, Kau t'lah tebus bangsaku  
Genapi Tuhan Firman-Mu atas Neg'riku

## **Korus 1:**

Hatiku rindu melihat kemuliaan-Mu  
Hatiku rindu melihat curahan kuasa-Mu  
Di tanah tercinta Negara Malaysia  
Ku berdoa Malaysia penuh kemuliaan-Mu  
Malaysia bagi kemuliaan-Mu

## **Korus 2:**

Ya Allahku, nyatakan kemuliaan-Mu  
Ya Allahku, nyatakan curahan kuasa-Mu  
Di tanah tercinta Negara Malaysia  
Ku berdoa Malaysia penuh kemuliaan-Mu  
Malaysia bagi kemuliaan-Mu

### **TRANSLATION IN ENGLISH:**

## **Malaysia for Your Glory**

Jesus is Lord, worthy to be exalted  
Worthy to be worshipped by all nations  
With Your blood, You have redeemed my Nation  
Lord, fulfill Your Word on my Motherland

## **Chorus 1:**

My heart yearns to see Your glory  
My heart yearns to see the  
outpouring of Your power  
On this beloved land of Malaysia  
I pray that Malaysia will be filled with Your glory  
Malaysia for Your glory

## **Chorus 2:**

My God, reveal Your glory  
My God, reveal the outpouring of Your power  
On this beloved land of Malaysia  
I pray that Malaysia will be filled with Your glory  
Malaysia for Your glory

**MINGGU INI.** Mari kita berdoa dengan bersungguh-sungguh bagi negara kita, Malaysia. Malaysia adalah negara dan Tanah Air kita. Di sinilah kita semua telah membesar. Tuhan telah memberikan kita negara ini sebagai tempat kediaman kita, jadi marilah kita meletakkan sepenuhnya hati, minda dan tenaga kita untuk berdoa bagi negara Malaysia! Semoga Kerajaan-Nya memerintah negara ini!

**9 Sept / Isnin**

## Berdoa bagi Sabah & Sarawak

*Makanan rohani ~ KPR 17: 26*

Sejak daripada permulaan, Tuhan telah merancang bila dalam sejarah setiap orang akan hidup & di mana mereka akan tinggal. Bukanakah itu menakjubkan? Ini bermaksud bahawa sejak dahulu lagi Tuhan telah pun merancang bila anda dan saya akan berada di atas bumi dan di negara mana kita akan menjadi warganegaranya. Jika ia rancangan Tuhan untuk kita tinggal di Malaysia pada masa sekarang ini, kita mesti memikirkan tentang apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara kita pada masa ini dan berdoa.

Apakah cabaran-cabaran yang kita perlu doakan untuk Malaysia sekarang? Satu cabaran yang besar adalah perlindungan kepentingan Sabah & Sarawak. Apabila Malaysia pertama kali dibentuk, terdapat kepentingan-kepentingan khusus yang diminta perlindungan khas oleh Sabah & Sarawak. Kerajaan waktu itu telah bersetuju untuk melindungi hak-hak istimewa ini. Sekarang, kita perlu berdoa agar kerajaan menunaikan janjinya untuk terus melindungi hak-hak ini.

*Hari ini, mari kita berdoa agar:*

- Kerajaan akan melindungi hak-hak istimewa Sabah & Sarawak, seperti yang telah dipersekutuan ketika Malaysia pertama kali dibentuk.
- Ia akan menjadi jelas kepada semua rakyat Malaysia, terutama mereka di Sabah & Sarawak, apa hak-hak istimewa itu supaya mereka akan dapat mempertahankan apa yang betul.

**10 Sept / Selasa**

## Berdoa untuk Kebebasan Bersuara & Agama

*Makanan rohani ~ 1 Korintus 14: 33*

Allah bukan Tuhan kekacauan tetapi damai. Selaku orang-orang Kristian, kita harus berdoa dan mempertahankan keteraturan dalam negara kita supaya damai Tuhan akan memerintah.

Satu undang-undang tertinggi di negara kita adalah Perlembagaan. Perlembagaan mengandungi undang-undang khusus mengenai bidang-bidang yang berbeza seperti pendidikan, agama dan hubungan kaum. Rakyat Malaysia harus selalu merujuk kepada Perlembagaan kerana ia menunjukkan nilai-nilai asas Malaysia dan membawa keteraturan untuk negara kita.

Satu lagi cabaran yang kita perlu doakan ada kaitan dengan kebebasan bersuara dan agama di Malaysia. Ia salah satu undang-undang yang termaktub di dalam Perlembagaan. Kita perlu mendoakan supaya hak-hak rakyat Malaysia yang beragama Kristian untuk bebas bercakap dan mempraktikkan agama mereka, seperti yang tertulis di dalam Perlembagaan, akan terlindung. Kita juga perlu berdoa agar umat Kristian akan terlibat dalam melindungi hak ini dan berusaha untuk memahami keadaan.

	<p><i>Hari ini, mari kita menyerahkan cabaran ini kepada Tuhan:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdoa agar kebebasan bersuara &amp; agama masyarakat Kristian Malaysia akan dilindungi.</li> <li>• Berdoa agar Tuhan akan memberikan hikmat &amp; pengetahuan kepada umat Kristian dalam mengetahui bagaimana secara aktif mempertahankan hak ini.</li> <li>• Berdoa supaya rakyat Malaysia akan tahu undang-undang Perlumbagaan dan mempertahankan hak-hak mereka sekiranya undang-undang ini tidak diikut.</li> </ul>
--	---

11 Sept / Rabu	<h3>Berdoa untuk Kepimpinan yang Baik</h3> <p><i>Makanan rohani ~ Amsal 29: 2</i></p> <p>Sebuah negara memerlukan pemimpin-pemimpin yang baik untuk ia berkeadaan baik. Di dalam Amsal yang kita baca hari ini, ia menyatakan bahawa apabila orang yang adil memerintah, rakyat gembira, tetapi apabila orang jahat memerintah, rakyat menderita. Bagaimana baik dan aman kehidupan kita di Malaysia banyak bergantung atas pemimpin-pemimpin yang kita ada. Inilah sebabnya kita mesti berdoa dan meminta Tuhan pemimpin-pemimpin yang baik.</p> <p>Jadi, apakah jenis pemimpin yang kita harus doakan? Kita memerlukan pemimpin yang bijaksana dan berkemahiran, yang mempertimbangkan apa yang baik untuk negara dalam jangka masa yang panjang dan bukan apa yang baik untuk diri mereka sendiri. Mereka juga harus jujur dan adil, serta melakukan yang benar di mata Tuhan.</p> <p>Bagaimanakah rakyat Malaysia dapat memastikan bahawa kita memiliki pemimpin-pemimpin yang baik? Satu cara adalah dengan mengundi orang yang betul sebagai pemimpin-pemimpin kita. Juga, kita sebagai warganegara perlu pastikan pemimpin-pemimpin ini melaksanakan janji mereka selepas mereka telah dijadikan pemimpin.</p> <p><i>Hari ini, kita perlu mendoakan untuk kepimpinan yang baik dalam Malaysia.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdoa untuk pemimpin-pemimpin yang baik dan benar dalam kerajaan kita.</li> <li>• Berdoa agar pemimpin-pemimpin yang mementingkan diri sendiri dan tidak adil dalam kerajaan akan disingkir.</li> <li>• Berdoa agar rakyat Malaysia akan bijaksana dalam memilih pemimpin-pemimpin kita.</li> <li>• Berdoa agar rakyat Malaysia akan memastikan pemimpin-pemimpin kita melaksanakan janji mereka.</li> </ul>
-------------------	--

12 Sept / Khamis	<h3>Berdoa untuk Keamanan &amp; Kemakmuran Malaysia</h3> <p><i>Makanan rohani ~ Yeremia 29: 7</i></p> <p>Apabila umat Israel dibawa masuk ke tanah asing, Tuhan menyuruh mereka untuk mendoakan keamanan dan kemakmuran tanah itu. Mengapa melakukan hal itu sedangkan ia bukan tanah mereka? Alasan yang Tuhan berikan adalah bahawa jika tempat menetap mereka makmur, mereka juga akan makmur.</p> <p>Ada satu prinsip penting untuk dipelajari di sini. Keamanan dan kemakmuran sebuah tempat kita tinggal akan menentukan betapa baik dan damai kehidupan kita.</p>
---------------------	--

	<p><i>Hari ini, mari kita berdoa untuk keamanan dan kemakmuran negara kita. Walaupun ekonomi Malaysia dianggarkan bertambah baik tahun ini, negara kita juga menanggung banyak hutang. Kita perlu berdoa agar perbelanjaan yang tidak perlu dihentikan, dan cara-cara baik serta bijak dilaksanakan di mana perlu supaya ekonomi kita akan berkembang.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdoa bagi para pemimpin kita untuk mengurus kekayaan negara kita dengan bijak &amp; benar.</li> <li>• Berdoa agar harga-harga barang tidak akan bertambah pada kadar yang cepat supaya rakyat, terutama yang miskin tidak akan menderita.</li> <li>• Berdoa agar masyarakat Kristian akan membawa Kerajaan Tuhan ke dalam perniagaan &amp; tempat pekerjaan mereka.</li> </ul>
--	--

13 Sept / Jumaat	<h2>Berdoa bagi rakyat Malaysia supaya bersatu</h2> <p>Makanan rohani ~ 1 Petrus 3: 8</p> <p>Ada beberapa perkara yang membawa kepada kesatuan dan harmoni di kalangan peduduk – persetujuan dengan satu sama lain, memahami dan berbelas kasihan, merendah diri, dan mengashih satu sama lain. Inilah yang diajarkan oleh Alkitab kepada kita supaya kita dapat disatukan sebagai umat Tuhan.</p> <p>Negara kita juga memerlukan kesatuan ini. Kita terdiri daripada banyak kaum yang berbeza, masing-masing dengan budaya sendiri. Setiap etnik ada kekuatannya dan kelemahannya. Kebanyakan masa, kelemahan suatu etnik dipandang rendah oleh satu etnik lain. Selain itu, beberapa kumpulan etnik kecil di Malaysia diketepikan oleh sebab jumlah dan kuasa politik mereka.</p> <p><i>Kita perlu berdoa untuk Kerajaan Tuhan datang ke dalam kesatuan kaum di Malaysia. Mari kita berdoa agar setiap etnik tidak akan memikirkan etnik mereka lebih baik daripada etnik lain, tetapi merendahkan diri, memahami dan berbelas kasihan dengan satu sama lain, serta benar-benar mengashih satu sama lain. Mari kita meminta kepada Tuhan agar nilai-nilai-Nya ada dalam hidup semua kumpulan etnik di Malaysia supaya ada perpaduan yang benar di kalangan kita.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdoa agar umat Kristian bertaubat akan masa-masa mereka telah memandang rendah ke atas kumpulan etnik lain kerana kelemahan mereka.</li> <li>• Berdoa untuk kerendahan hati di kalangan setiap kumpulan etnik di Malaysia.</li> <li>• Berdoa untuk kasih, hormat dan persefahaman di antara pelbagai kaum.</li> <li>• Berdoa untuk undang-undang yang adil yang akan menggalakkan hubungan ras yang baik.</li> <li>• Berdoa bagi setiap orang untuk jadi bersatu sebab mereka semua adalah rakyat Malaysia.</li> </ul>
------------------	--

14 Sept / Sabtu	<h2>Berdoa bagi umat Kristian untuk membangun negara kita secara aktif</h2> <p>Makanan rohani ~ Titus 3: 1-2</p> <p>Kita sebagai umat Allah dipanggil untuk menjadi warganegara yang baik dalam sebuah negara. Kita hendaklah menghormati pihak berkuasa, bersedia untuk berbuat baik, dan memperlakukan dengan baik orang lain.</p> <p>Satu perkara umat Kristian di Malaysia perlu terlibat dengan lebih aktif adalah untuk bekerja bagi kebaikan negara kita. Selain daripada berdoa untuk negara kita, kita boleh memperbaiki negara kita dengan terlibat secara aktif dalam pelbagai bidang.</p>
-----------------	---

	<p>Kita boleh terlibat dalam politik dan mempengaruhi keputusan-keputusan penting, bekerja dengan organisasi-organisasi kerajaan dan kumpulan-kumpulan bukan kerajaan yang lain, serta memberikan masa kita untuk menolong komuniti. Dengan menjadi berkat kepada negara kita, kita memuliakan nama Tuhan dan membawa kehadiran-Nya dan kerajaan-Nya di Malaysia.</p> <p><b>Hari ini, mari kita berdoa bagi umat Kristian untuk membina secara aktif negara kita.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdoa agar umat Kristian akan aktif dalam melakukan kebaikan bagi negara kita.</li> <li>• Berdoa agar Tuhan akan membuka pintu bagi umat Kristian melakukan pekerjaan-Nya yang baik.</li> <li>• Berdoa agar yang lain akan menghargai dan diubah oleh perbuatan masyarakat Kristian untuk Malaysia.</li> </ul>
--	--

<b>15 Sept / Ahad</b>	<h2 style="color: #000080;"><b>Mendedikasikan Malaysia untuk Tuhan</b></h2> <p><i>Makanan rohani ~ Wahyu 7: 9-10</i></p> <p>Ayat hari ini menunjukkan satu gambaran tentang apa yang akan terjadi apabila Yesus kembali ke bumi dan menegakkan Kerajaan-Nya. Orang-orang daripada semua bangsa, suku kaum, etnik-etnik dan bahasa berdiri di hadapan-Nya dan menyembah Dia. Betapa indahnya keadaan ini!</p> <p>Esok, kita akan merayakan Hari Malaysia kita yang ke 50 Tahun sebagai sebuah negara, serta Jubli Malaysia. Inilah masanya untuk bersyukur kepada Tuhan bagi Malaysia &amp; merayakan hari Dia menjadikan kita sebuah negara.</p> <p>Di penghujung hari, orang-orang Malaysia akan berdiri bersama dengan orang-orang daripada semua bangsa lain, puak-puak, etnik-etnik serta bahasa-bahasa dan memberikan kemuliaan kepada Yesus, Raja kita. Mari kita ingat bahawa walaupun kita berdepan dengan banyak cabaran dan masalah di dalam negara kita, kita masih lagi sebuah negara yang telah dirancang dan dibentuk oleh Tuhan.</p> <p><b><i>Hari ini, di hari terakhir 40 hari Puasa &amp; Doa kita, mari kita mengisyiharkan doa ini bersama untuk mendedikasikan Malaysia kepada Tuhan:</i></b></p> <p><b><i>Tuhan Maha Kuasa, kami mahu berdiri bersama sebagai rakyat Malaysia untuk memberkati nama Mu. Kami bersyukur kepada Mu kerana membentuk kami &amp; memberikan kami sebuah tempat kepunyaan.</i></b></p> <p><b><i>Kami berdoa untuk kemurahan Mu dan kurnia berpanjangan terjadi atas negara ini, bahawa rakyatnya akan mengalami kebaikan, rahmat dan kehadiran Mu.</i></b></p> <p><b><i>Kami menyerahkan semua cabaran dan masalah kami kepada Mu, dan kami meminta kepada Mu untuk mengubah keadaan kami menjadi semakin baik. Jagai kami, makmurkan &amp; berikan kami sebuah kerajaan yang baik.</i></b></p> <p><b><i>Semoga nama Mu dimuliakan, dihormati dan ditinggikan di negara ini! Dalam nama Yesus kami berdoa, AMIN!</i></b></p> <p><b><i>Semoga Kerajaan Tuhan memerintah di Malaysia!</i></b></p>
-----------------------	--

# Ini akhir perjalanan!

# TAHNIAH!

**Anda baru sahaja menyelesaikan Puasa & Doa 40 hari bagi Malaysia!**

Berikan teman Daftar-masuk anda satu tamparan tapak tangan  
(high-five) jika dia berada di sebelah anda.

Lakukan satu tamparan tapak tangan (high-five)  
dengan Roh Kudus dalam jiwa!

Terima kasih kerana kesetiaan anda menyerahkan negara kita kepada Tuhan. Saya percaya bahawa Tuhan telah melakukan suatu pekerjaan yang baik di dalam hati anda & anda telah bertumbuh dalam mendoakan kehendak-Nya terjadi di Malaysia.

**Sebelum anda pergi, ucapkan doa kesyukuran ini kepada Tuhan yang telah memberikan anda kekuatan untuk perjalanan ini:**

Bapa Di Syurga,

Saya bersyukur bahawa Engkau telah bersama saya selama 40 hari ini. Terima kasih kerana membuat saya fokus & kerana bekerja di dalam hati saya. Saya berdoa walaupun saya sudah tamat berdoa & berpuasa selama 40 hari ini, Engkau akan terus bekerja di dalam hati saya. Semoga Engkau bertakhta dalam hidup saya setiap hari agar saya dapat membawa kasih-Mu dan harapan kepada negara saya. Semoga saya terus berdoa untuk Malaysia, agar Engkau benar-benar memerintah di dalam rumah, sekolah, gereja, komuniti, perniagaan, kepimpinan, ekonomi dan negara kami.

**Saya mengasihi-Mu dan berterima kasih kerana harapan yang saya miliki di dalam Engkau! Dalam nama Yesus saya berdoa, AMIN!**

**Jumpa anda di tahun depan!!!**

## Minggu 3 – Sesuatu yang Anak-Anak Itik Lakukan

### JAWAPAN:

Baiklah, satu alasan yang paling penting adalah sebab ia memerlukan perlindungan daripada induknya sebaik sahaja ia menetas. Spesies-spesies sedemikian mempunyai banyak pemangsa dan perlu mengelak daripada bahaya sesegera yang ia dapat mengelaknya.

Tetapi satu lagi alasan penting kenapa mengikut induk (ibu bapa) adalah – supaya ia dapat belajar perkara utama dalam hidup ia; seperti apa untuk dimakan, perlu mengelak daripada apa, dan ke mana hendak terbang untuk memperoleh lebih makanan.

Secara semulajadinya, burung-burung yang terperangkap tidak mempunyai induk yang dapat mengajar ia pelajaran-pelajaran penting ini. Seorang juruterbang peluncur gantung yang berbangsa Itali, Angelo d'Arrigo, menemukan satu penyelesaian aneh untuk membantu beberapa spesies burung yang terperangkap. Dia menetaskan anak-anak burung di bawah sayap peluncurnya, dan kemudian mengajar anak-anak burung itu cara untuk terbang dan memburu. Dengan kata lain, dia menjadi ‘induk’ anak-anak burung itu supaya dia dapat mengajar ia cara untuk hidup.

Dalam hayatnya, terdapat beberapa spesies burung yang dia telah bantu. Antaranya adalah burung-burung helang, yang dia telah ajar untuk terbang merentasi Sahara dan Laut Mediterranean ke Sicily, sekawan burung jenjang Siberia yang telah terbang bersamanya dari Siberia ke Iran, dan burung-burung helang di Nepal, yang telah diajarnya untuk terbang melintasi Gunung Everest.



**Prepared & Compiled by NECF Malaysia**  
32, Jalan SS2/103, Petaling Jaya  
47300, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: 03-7727 8227  
Fax: 03-7729 1139  
Email: [prayer@necf.org.my](mailto:prayer@necf.org.my)  
Website: [www.necf.org.my](http://www.necf.org.my)